



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MOHAMED BIN HAJI CHE HUSSEIN,  
PENGUSAHA SONGKET  
MENGENAI SONGKET SENI TENUN WARISAN**

**NASHA SHARIEYNA DZULKARNAIN**

**(2018641204)**

**NUR IRASH NAJIEHAH ASMADI**

**(2018635508)**

**SEMESTER OKTOBER 2020-JANUARI 2021**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MOHAMED BIN HAJI CHE HUSSEIN,  
PENGUSAHA SONGKET  
MENGENAI SONGKET SENI TENUN WARISAN**

**NASHA SHARIEYNA DZULKARNAIN**

**(2018641204)**

**NUR IRASH NAJIEHAH BINTI ASMADI**

**(2018635508)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2020-JANUARI 2021**



## KANDUNGAN

## MUKASURAT

|                                     |            |
|-------------------------------------|------------|
| <b>Abstrak</b>                      | <b>i</b>   |
| <b>Penghargaan</b>                  | <b>ii</b>  |
| <b>Senarai Abreviasi</b>            | <b>iii</b> |
| <b>Singkatan Nama</b>               | <b>iv</b>  |
| <b>Rujukan Kata</b>                 | <b>v</b>   |
| <b>1.0 Biografi Penemubual</b>      |            |
| 1.1 Biografi Penemubual Pertama     | 1          |
| 1.2 Biografi Penemubual Kedua       | 2          |
| <b>2.0 Biografi Tokoh</b>           |            |
| 2.1 Pengenalan Kepada Tokoh         | 3          |
| <b>3.0 Pengenalan Sejarah Lisan</b> | <b>5</b>   |
| <b>4.0 Ulasan Literatur</b>         |            |
| 4.1 Pengenalan Kepada Topik         | 8          |
| <b>5.0 Transkrip temubual</b>       |            |
| 5.1 Bahagian I                      | 11         |
| 5.2 Bahagian II                     | 45         |
| 5.3 Bahagian III                    | 80         |
| <b>6.0 Ringkasan</b>                | <b>106</b> |
| <b>7.0 Log temubual</b>             | <b>107</b> |
| <b>8.0 Kesimpulan</b>               | <b>109</b> |
| <b>9.0 Ralat</b>                    | <b>110</b> |
| <b>10.0 Glosari</b>                 | <b>111</b> |
| <b>11.0 Indeks</b>                  | <b>112</b> |
| <b>12.0 Rujukan</b>                 | <b>114</b> |
| <b>13.0 Rujukan lampiran</b>        |            |
| 13.1 Biografi Tokoh                 | 117        |
| 13.2 Surat Pejanjian                | 118        |
| 13.3 Senarai Soalan                 | 120        |
| 13.4 Diari Penyelidikan             | 131        |
| 13.5 Lampiran Gambar                | 134        |

## **ABSTRAK**

Transkrip ini berkenaan temubual bersama tokoh iaitu Encik Mohamed Bin Haji Che Hussein mengenai pendapat beliau sebagai tokoh dalam pembuatan seni budaya songket di Malaysia. Beliau merupakan salah seorang tokoh pembuatan songket yang menaikkan nama seni tenun songket di Malaysia. Transkripsi temubual ini dijalankan selama 1 Jam 58 minit di Kedai Che Minah Songket Penambang, Kota Bharu. Temubual ini dijalankan pada pukul 3.30 petang sehingga pukul 5.30 petang pada tarikh 13 Disember 2020, bersamaan dengan hari Ahad. Temubual bersama Encik Mohamed Bin Haji Che Hussein berkenaan dengan jenis-jenis songket yang dihasilkan oleh perniagaan Che Minah Songket. Ini kerana pelbagai jenis songket yang terdapat di negeri Kelantan yang amat jarang diketahui ramai, Selain itu, bagaimana penghasilan songket yang berkualiti dapat mengetahui berkenaan dengan cara dan pemprosesan yang unik dalam membuat kain songket yang berkualiti serta kerenyahan di sebalik pembuatan kain songket di negeri Kelantan dan sejarah penceburan tokoh dalam bidang songket. Ini kerana penceburan tokoh dalam bidang tenunan songket ini iaitu Encik Mohamed bin Hj. Che Hussein ini dapat dibongkar bagaimana ketika usia beliau masih muda tetapi dapat memulakan sebuah empayar perniagaan di negeri Kelantan.

## **PENGHARGAAN**

Syukur dengan limpah dan izin-Nya, saya Nasha Sharieyna binti Dzulkarnain dan Nur Irash Najiehah binti Asmadi dapat menyiapkan kajian lapangan bagi kod subjek “Oral History” iaitu IMR604 ini. Diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dititipkan kepada calon penemu ramah kami iaitu Encik Mohammad bin Hj. Hussein kerana telah sudi meluangkan masa untuk membantu kami dalam menyelesaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kami pada semester 5 ini.

Penyelidikan ini tidak akan berjaya sekiranya tanpa bantuan daripada pihak pengurusan arkib di Jabatan Arkib Universiti UiTM Shah Alam, Selangor kerana telah membantu dalam pencarian bahan arkib untuk dijadikan sebagai sumber lampiran. Bukan itu sahaja, jutaan terima kasih juga buat ibu bapa kerana telah berusaha menyediakan kemudahan internet untuk menghadiri kelas “online”, membantu kami dari segi kewangan walaupun pada musim merebaknya virus Covid-19, pendapatan mereka agak terjejas. Namun, demi melihat anak-anaknya berjaya, mereka ketepikan soal wang ringgit. Terima kasih kami ucapkan. Sehingga ke saat ini tidak terbalas budimu kerana mengatur yang terbaik buat kami.

Tidak ketinggalan juga kepada tenaga pengajar kami iaitu Encik Jafalizan bin Md. Jali di atas kesudian untuk membantu serta memberi tunjuk ajar kepada kami bagi menjayakan projek kajian ini dalam waktu yang telah diberikan.

Tidak lupa juga kepada kawan-kawan terutamanya dari kalangan kelas kami sendiri iaitu 5ST1 kerana telah banyak memberi idea serta membantu kami untuk menyelesaikan amanah yang telah diberikan kepada kami sepanjang bergelar seorang pelajar.

Penghargaan kepada kalian pada kali amat berbeza dari sebelumnya kerana sanggup menghabiskan kouta internet, sanggup mencari liputan internet demi membantu kawan-kawan agar dapat terus berjaya seiringan.

Sekian terima kasih.

## Senarai Abreviasi

| BIL. | SINGKATAN | RUJUKAN                                                          |
|------|-----------|------------------------------------------------------------------|
| 1.   | ITM       | Institut Teknologi Mara                                          |
| 2.   | UITM      | Universiti Teknologi Mara                                        |
| 3.   | PNB       | Perbadanan Nasional Berhad                                       |
| 4.   | PKM       | Perbadanan Kesenian Malaysia                                     |
| 5.   | KPDNKK    | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan. |
| 6.   | KEMAS     | Kemajuan Masyarakat                                              |
| 7.   | SPM       | Sijil Pelajaran Malaysia                                         |

### **Singkatan Nama**


| <b>BIL.</b> | <b>SINGKATAN</b> | <b>RUJUKAN</b>             |
|-------------|------------------|----------------------------|
| 1.          | NSD              | NASHA SHARIEYNA DULKARNAIN |
| 2.          | NIA              | NUR IRASH NAJIEHAH ASMADI  |
| 3.          | MHH              | MOHAMED HJ CHE HUSSEIN     |

### **Rujukan Kata**

| <b>BIL</b> | <b>SINGKATAN</b> | <b>RUJUKAN</b> |
|------------|------------------|----------------|
| 1.         | Ni               | Ini            |
| 2.         | Tu               | Itu            |
| 3.         | Nak              | Hendak         |
| 4.         | Takde            | Tiada          |
| 5.         | Dulu             | Dahulu         |
| 6.         | Grad             | Graduasi       |
| 7.         | Konvo            | Konvokesyen    |

## 1.0 Biografi Penemubual


### 1.1 Biografi Penemubual Pertama



#### PENYELIDIK 1

|          |                                                                    |
|----------|--------------------------------------------------------------------|
| Nama:    | Nasha Sharieyna binti Dzulkarnain                                  |
| Alamat:  |                                                                    |
| Program: | Sarjana Muda Sains Maklumat (kepujian) Pengurusan Rekod            |
| Fakulti: | Fakulti Pengurusan Maklumat                                        |
| Kampus:  | UiTM Puncak Perdana                                                |
| Email:   | <a href="mailto:shamrieyna99@gmail.com">shamrieyna99@gmail.com</a> |


## 1.2 Biografi Penemubual Kedua



### **PENYELIDIK 2**

|          |                                                                |
|----------|----------------------------------------------------------------|
| Nama:    | Nur Irash Najiehah Binti Asmadi                                |
| Alamat:  |                                                                |
| Program: | Sarjana Muda Sains Maklumat (kepujian) Pengurusan Rekod        |
| Fakulti: | Fakulti Pengurusan Maklumat                                    |
| Kampus:  | UiTM Puncak Perdana                                            |
| Email:   | <a href="mailto:nurirash98@gmail.com">nurirash98@gmail.com</a> |

## 2.0 Biografi Tokoh



|                 |                                         |
|-----------------|-----------------------------------------|
| Nama:           | Encik Mohamed Bin Haji Che Hussein      |
| Asal:           | Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan |
| Tempat Tinggal: |                                         |
| Umur:           | 63 Tahun (2020)                         |
| Nama Panggilan: | Mat Aji                                 |

## **2.1 Pengenalan Kepada Tokoh**

Tokoh kami merupakan Encik Mohammad bin Haji Hussein merupakan Penerima Pusaka Peringkat Kedua Che Minah Songket. Che Minah Songket dibangunkan sendiri dari                    yang merupakan bonda kepada Encik Mohammad itu sendiri. Encik Mohammad tergolong untuk menyambung perniagaan ini walaupun ada saudara kandung yang ramai. Ini adalah kerana saudara kandung beliau yang lain tidak berkeinginan untuk menjaga perniagaan keturunan ini. Saat itu, hanya terdapat beliau serta adiknya, Ahmad Kamel bin Haji Hussein yang ingin menyambung perniagaan ini. Pada zaman 70-an, Encik Mohammad pada masa itu adalah seorang aktivis, namun beliau telah bertukar arah terhadap bidang perusahaan setelah meneruskan pengajian di Institut Teknologi Mara (ITM) yang sekarang lebih dikenali Universiti Teknologi MARA (UITM). Setelah tamat belajar di Institut Teknologi Mara (ITM), beliau mula mengambil alih perniagaan ini ketika beliau berusia dalam 20 tahun dan kini telah berhasil menyambung warisan perusahaan ini dekat 30 tahun. Walaupun berada dalam umur 60-an, Encik Mohammad terus tetap kuat dan masih lagi bersemangat dalam menguruskan perniagaan keluarga ini.

### 3.0 Pengenalan Sejarah Lisan

Sejarah lisan merupakan satu cara tentang pengalaman seseorang penggerak yang direkodkan dengan kaedah temubual. Seseorang tokoh yang telah dipilih kebiasaannya terdiri daripada golongan yang boleh memberi sumbangan mengenai informasi yang melibatkan diri serta pengalaman mahupun telah melalui peristiwa yang bersejarah. Bukan itu sahaja, seseorang tokoh juga boleh dikatakan telah mengadakan jalinan perhubungan secara langsung dengan masa, peristiwa atau watak yang tertentu. Informasi yang dapat daripada sesi temubual tersebut, dicatat dan catatan itu akan disemak dan ditaip supaya boleh dijadikan sebagai bahan penyelidikan dan pengajaran. (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007)

Nama “songket” ini dikenali melalui teknik penghasilan itu sendiri iaitu dengan menyolek benang emas pada tenun kain sutera atau menyongket. Kain songket dibahagi pada dua kumpulan yang merupakan songket tekat 3 dan 5. Hal ini demikian kerana ianya berhubung antara penggunaan beberapa ukuran antara lembaran benang emas yang akan ditenun dengan benang sutera. Difahamkan bahawa songket tekat 3 adalah agak sulit cara pembuatannya berbanding dengan songket tekat 5 dan keputusannya songket tekat 3 lebih kemas benangnya. Terdapat 4 rekaan kain songket iaitu badan, bahagian atas, Bunga Lawi Ayam dan pucuk yang di apit di antara bahagian tepi dan atas kain. (Afirah, 2020)

Tenunan songket sangat istimewa kerana untuk membuatnya melalui banyak fasa sebelum berhasil menjadi sehelai kain. Oleh kerana kaedah pembuatannya agak sukar, harga bagi sehelai songket agak mahal. Di Malaysia, warisan songket ini terkenal di kawasan Semenanjung Malaysia kerana kelompok dua negeri iaitu Terengganu dan Kelantan ini dikenali tempat utama pengeluaran bagi kain tenunan songket tersebut.

Menurutnya lagi, warisan songket merupakan sejenis pakaian yang diperbuat melalui tenunan tangan yang menggunakan benang emas dan perak. Songket amat popular dari zaman dahulu sehingga kini kerana cara dan penghasilan yang menarik iaitu menggunakan kaedah tradisional. Songket merupakan tenunan yang berasal daripada negara jiran iaitu Indonesia dan juga negara Malaysia ini sendiri. Kebiasaannya, hanya golongan kerabat, orang ternama dan pemimpin negeri sahaja yang memakai songket namun kini pemakaian adalah lebih meluas iaitu ianya dipakai pada majlis perkahwinan

ataupun ianya dijadikan tema rasmi bagi menyambut sesuatu peristiwa mahupun majlis-majlis yang besar.

Sementara itu, mengikut pemahaman Zafifi Ideris (2020), kain tenunan songket merupakan kain yang lazimnya akan ditenun dengan menggunakan peralatan tradisional dan ianya mempunyai corak yang sukar untuk ditenun. Lebih-lebih lagi untuk menghasilkannya hanya menggunakan benang perak atau benang emas sahaja. Katanya lagi, yang memakai songket in hanyalah golongan kerabat diraja, golongan orang-orang besar negeri dan orang bangsawan. Kesenian hasil tenun dan rumitnya motif corak songket pada masa dulu membayangkan jawatan atau taraf orang besar kerajaan negeri. Ianya dikenali pada kawasan negara Asia iaitu negara Malaysia dan negara jiran Malaysia iaitu Indonesia bermula pada kurun ke-13. Hasil songket tenun dikenali sebagai kain peninggalan warisan dan memiliki mutu sejarah yang tinggi.

Sejarah di mana wujudnya songket itu tidak ada dinyatakan dengan betul, tetapi asalnya nama ini songket diceritakan bermula melalui ‘menyungkit’ disebabkan di dalam loghat Thailand iaitu ‘kek’ bererti menyungkit yang sama dengan ‘songkok’ iaitu perkataan dari China yang bermaksud makna yang sama. Berdasarkan Robyn Maxwell (1990) pemahaman masyarakat tentang kaedah penghasilan kain songket telah diperolehi melalui masyarakat Cina yang memunculkan peralatan logam malah kedatangan peradaban dari Timur Tengah (Turki, India dan Parsi) juga lebih memperkuat pembuatannya.

Jumlah pengetahuan tentang salasilah songket tidak banyak yang diketahui, malah kebarangkalian penenunan songket merebak ke negara Malaysia melewati pernikahan di antara kerabat diraja, yang membentuk rancangan penggabungan biasa pada kurun ke15. Pembuatan songket mengenakan kaedah tenun, iaitu dengan lembar benang emas dan akan ditenun dengan lembar benang sutera yang menggunakan kain atau fabrik rata. Fabrik atau kain yang lewah lagi eksklusif dapat melukiskan kaedah kemasyaakatan di dalam golongan keturunan orang besar Melayu.

Sulaiman Ghani,(2005) berkata,cara pemerhatian tenunan songket tradisi lazimnya laksana simbolik sebuah halaman flora. Mereka memperhatikan lalu terkenangkan dan akhirnya diterjemahkan tentang sesuatu yang dapat mereka lihat pada songket sebagai

sesuatu karya seni. Kaedah tenunan pula merupakan sebuah luahan kata hati dan memerlukan ketenangan yang tinggi untuk menghasilkannya.

Hubungan yang rapat di antara kaum Melayu tradisi dengan hidupan alam semesta khususnya alam tumbuh-tumbuhan yang telah lama ada. Kesesuaian yang akrab ini sudahnya mempamerkan pengubahan dan membentuk aset kosmologi dan semiotik. Mengikut Hairuddin.H,(2001), kaum masyarakat Melayu memandang unsur alam kaya dengan simbolik pengertian. Gaya pandangan kehidupan bukan hanya terhad dalam menyatakan alam sebagai bahan dan kehidupan yang terbuka sahaja malah mempraktikkan di dalam kesibukan seharian penduduk.

Meskipun helaian tenunan songket melukiskan makna dalam aturan adat orang Melayu iaitu dengan cara pemakaiannya memadai pada anggota badan manusia dengan memenuhi kultur kehidupan kepada si pemakai. Keutuhan pada pakaian tersebut dapat dijelaskan dengan memandangnya pada bahagian atas badan, dan hingga ke bawah. (Grace,1990)

## 4.0 Ulasan Literatur

### 4.1 Pengenalan Kepada Topik

Songket berupa kesenian warisan peradaban Melayu yang mempunyai kualiti sejarah yang besar. Keistimewaan songket terletak kepada bentuk corak tenunan secara rapi (Adiguru, Kraftangan, Jabatan Arkib Negara). Kajian penyelidikan ini memperkenalkan pelbagai kelas songket yang diturunkan sejak dari zaman-berzaman kepada tokoh. Bukan itu sahaja, melalui penyelidikan ini juga dapat mengetahui proses-proses pembuatan dan penenunan songket yang jarang diketahui umum.

Motif yang terdapat di dalam tenunan songket merupakan lingkungan bagi laman yang berkaitan songket dan laman sesawang yang telah diaplikasikan metode gambaran dalam menghasilkan jangkauan imej. Motif songket bertujuan untuk membantu dalam memudahkan proses memperolehi maklumat yang berkaitan dengan songket oleh pemakai. Berdasarkan kajian yang lalu, keterangan daripada Changhu et.al. (2010) ada menyatakan bahawa gambaran boleh menolong si pemakai walaupun si pemakai itu tidak lancar di dalam aspek pengajian, pertuturan dan pembacaan.

Menurut Sabzali Musa Kahn (2016), menyatakan bahawa Songket dapat dimajukan dan dikekalkan seni warisan dan budaya kreatif dengan memartabatkan keseniannya. Ini kerana untuk menyatukan dan mencapai gagasan satu Malaysia di Nusantara dan boleh mengekalkan jati diri bangsa.

Songket adalah sutera buatan tangan atau kapas tenunan sutera dengan benang emas. Songket merupakan perkataan orang Melayu iaitu mengeluarkan benang dari bahagian belakang tenunan menggunakan benang emas atau benang perak (Md. Nawawi, Aziz, 2006). Ini bukan kaedah membuat kain menggunakan sulaman, seperti penciptaan motif sebagai elemen corak pada kain dibuat pada kaedah menenun. Cara penghasilan kain songket ini melibatkan cara-cara yang amat rumit dengan mengangkat tenunan songket benang pada benang yang longgar. Kemudian, benang pakan dimasukkan ke dalam benang kapas dan benang sutera untuk menghasilkan corak pada songket tenun ini. (Haziyah Hussin, 2004).

Ada yang berpendapat bahawa songket berasal dari Timur Tengah, sementara yang lain mengatakan bahawa ianya berasal dari Kepulauan Melayu seperti Bugis dan Riau (Norwani, 1989). Aktiviti pembuatan songket sangat dikenali dengan baik semasa

pemerintahan Sultan Mansur (TM 1726-1798). Menurut Siti Zainon Ismail, (1986) songket juga dikatakan bermulanya dari negara Cina dan India tapi ianya memasukkan corak asal tempatan iaitu

dengan meletakkan corak pada zaman Melayu seperti bunga-bunga, rempah cengkih, dan motif floral yang lain.

Pada awal perkembangan kewujudan kain songket ini, melalui informasi yang telah diperolehi dari kisah-kisah lama bahawa Songket merupakan persalinan golongan bangsawan dan golongan istana yang memakai songket untuk membuktikan kehebatan dan kedudukannya. Hanya golongan istana sahaja yang dikatakan berupaya dan dibolehkan menyewa penenun tempatan dan penenun dari Sumatera untuk menghasilkan corak pilihan mereka dan mempunyai kain songket dengan gaya dan corak yang tersendiri (Selvayagam, 1990).

Menurut sejarah pada zaman Melayu dahulu, pakaian songket hanya boleh dipakai oleh kerabat diraja, pegawai istana yang dipilih oleh sultan, dan mereka yang telah menerima anugerah dan gelaran. Terdapat peraturan yang ketat untuk memakai pakaian songket. Mereka yang gagal untuk mematuhi peraturan boleh dikenakan hukuman yang berat. Pada masa kini, kain unik ini biasanya dipakai sebagai pakaian rasmi, pakaian perkahwinan, pakaian untuk penari tradisional, dan jubah semasa upacara konvokesyen. Selain itu, songket juga dapat digunakan sebagai barang hiasan dan hadiah (Norwani, 1989).

Kebanyakan penenun songket di Kelantan terdiri daripada wanita. Walaupun tenunan ini beroperasi secara kecil-kecilan di kampung-kampung, terdapat beberapa perniagaan yang mempunyai pembuatannya sendiri dengan kilang di mana mereka menyewa penenun songket dengan membekalkan bahan mentah seperti benang dan yang lain. Oleh kerana penghasilan songket dilakukan sepenuhnya dengan tangan oleh penenun songket, maka memerlukan masa yang lama untuk menyiapkan sehelai kain songket. Sebaliknya, songket yang dibuat menggunakan mesin memerlukan masa yang lebih singkat untuk menyiapkannya tetapi tidak mempunyai kehalusan dan keunikan. Motif berikut digunakan pada corak yang berbeza, berdasarkan di mana ianya berada untuk meletak dan mengulang. Sebilangan besar corak dan motif songket berasal daripada sumber flora dan corak abstrak. Antara motif yang terkenal adalah lapan kelopak atau manggis, bunga tampuk kesemak (buah sharon), biji peria, buah masam kecil, kurma,

bunga cengkih, buah manggis, bunga sinar matahari dan rebung (Md. Nawawi, et al., 2002).

Seterusnya, Shahrul Azman dan Saiful (2009) ada berpendapat bahawa pencapaian bayangan berunsurkan gambaran yang berkaitan bagi mencapai bayangan di dalam repositori yang berukuran besar. Sokongan daripada kajian ini memberi maksud bahawa metode melalui gambaran boleh menyumbang kepada para pengguna yang ingin mencari idea tentang motif songket dengan melakar apa-apa gambaran yang di ingat oleh pengguna. Shahrul Azman juga ada menyatakan bahawa metode gambaran juga dapat menolong menyumbang kepada produk yang bersesuaian dengan kemahuan si pemakai kerana mereka berupaya mewujudkan gambaran yang tersembunyi di dalam fikiran mereka.

Cara pembuatan songket meliputi beberapa cara iaitu dengan menyongket benang asas dengan benang loseng. Hal ini bermaksud benang biasa diselitkan dengan benang pakan emas iaitu benang sutera dan kapas untuk mendapatkan hasil corak pada kain songket (Haziyah.H,2004).

## **5.0 Transkrip Temubual**

### **5.1 Bahagian I**

#### **Transkrip Temubual Sejarah Lisan “Interview Che Minah Songket”**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam Tenunan Songket. Bersama-sama kami ialah Encik Mohamed Bin Haji Che Hussein yang merupakan Pengusaha Songket di Kelantan. Rakaman ini pada tarikh 13 Disember 2020, bersamaan hari Ahad, pada pukul 3.30 petang bertempat di kedai Che Minah Songket. Temubual ini dikendalikan oleh Nasha Sharieyna Binti Dzulkarnain dan Nur Irash Najiehah Binti Asmadi. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**NSD: Assalamualaikum.**

MHH: Waalaikummusalam.

**NSD: Hari ni [ini] saya akan temuramah Encik Mohamed dalam dalam bidang Okey, boleh tuan ceritakan mengenai latar belakang tuan?**

MHH: Nama saya Mohamed bin Haji Che Hussein. Berumur dalam enam puluh tujuh tahun [67 Tahun] dan berasal dari sini lah Kapung [kampung] Penambang [Kota Bharu, Kelantan].

**NSD: Bilakah tuan dilahirkan?**

MHH: Saya dilahir pada tahun sembilan belas lima puluh tiga [ tahun 1953].

**NSD: Dimana tu [itu] tuan?**

MHH: Di sinilah.

**NSD: Di kampung Penambang?**

MHH: Di kampung Penambang, Kota Bharu [Kelantan].

**NSD: Okey, tuan ada nama panggilan?**

MHH: Nama panggilan ore [orang] panggil Mat Aji jer [sahaja] lah maso skolah-skolah [zaman sekolah-sekolah] dulu, maso belajar dulu pun ore panggil Mat Aji. (ketawa)

**NSD: Jawatan tuan di Che Minah Songket?**

MHH: Sebenarnya di Che Minah Songket ini bukan *company* [syarikat] bukan apa *sale Proprietor* [pemilik tunggal] lah, saya ini sebagai salah seorang daripada anak [anak] dio [dia] yang bertugas untuk dari segi jualan, itu sahaja lah maknanya sekarang ini dah [sudah] tukar nama kepada adik saya lah. Saya ini sebagai pekerja dia.

**NSD: Okay. Dalam Che Minah Songket ini tuan generasi ke berapa?**

MHH: Kalau nak [hendak] kira yang ketiga lah (notifikasi telefon berbunyi).

**NSD: Generasi ketiga (mengangguk)**

MHH: Che Minoh [Minah] sebelum-sebelum itu takde [tidak ada] nama lah.  
Terus Che Minah baru ada nama.

**NSD: Kira Che Minah generasi kedua.**

MHH: Kedualah, ha. (mengiyakan)

**NSD: Okey, bolehkah tuan menceritakan latar belakang keluarga tuan?**

MHH: Dari segi [bahagian] mana itu?

**NSD: Dari segi ibu bapa tuan**

MHH: Asal apeni [apa ini] bapa saya-- Che Hussein berasal daripada Kampung  
Laut [Kota Bharu, Kelantan] seberang sungai sana. Ibu saya  
lah.

**NSD: Okey.**

MHH: Asal sini lah.

**NSD: Penambang.**

(mencelah)

**NIA: Penambang [Kota Bharu]**

MHH: Penambang [Kota Bharu].

**NSD: Apakah pekerjaan ayah tuan sebelum menceburi bidang songket ini?**

MHH: Saya ingat dia bekerja sebagai posmen dulu [dahulu] lah, jadi Che Minah itu sambil apa ini, suami dia bekerja sebagai posman, dia buat kain, masa itu lah, sebelum di daftarkan lah.

**NSD: Kiranya apa-- Che Minah ini pengasas songket?**

MHH: Ha, namo [nama ibu tokoh] lah                      itu.

**NSD: Okey. Adakah ibu bapa tuan juga terlibat dalam penghasilan songket?**

MHH: Ho [iya] dulu memanglah apa ini-- dia sebelah ibu lah bukan sebelah bapak [bapa].

**NSD: Ibu sahaja lah?**

MHH: Ha, ibu saja lah. Bapa ini dia sebagai apa ini pemerhati sahaja lah.

**NSD: Adakah bermula dari situ wujudnya minat tuan dalam bidang songket selepas melihat kejayaan—**

MHH: Dia sebenarnya hendak kata minat itu tak [tidak] jugaklah apabila sudah-  
- apabila apa ini-- berlaku masa dulu krisis di ITM [Institut Teknologi MARA kini Universiti Teknologi MARA] dulu kan tahun tujuh puluh—  
tujuh [ tahun 1977] puluh empat tujuh puluh Lima [tahun 1975] tidak  
silap saya, jadi saya terpaksa ambik [ambil] apa ini—

**NSD: Alih perniagaan?**

MHH: Bukan ambil alih juga, terpaksa mencebur lah dalam perusahaan ini lah, bersama-sama adik-beradik lah.

**NSD: Bolehkah tuan terangkan mengenai latar belakang adik-beradik tuan?**

MHH: Adik-beradik saya ada sebelas semua sekali. Tiga perempuan sebelas laki-laki [lelaki] [sic 8 lelaki 3 perempuan].

**NSD: Adakah adik-beradik tuan meminati juga bidang songket ini?**

MHH: Yang minat betul-betul dua la termasuk saya tiga dan juga sorang [seorang] yang perempuan. Empat orang sahaja lah. Yang lain kijo [kerja] sendiri semuanya.

**NSD: Bolehkah tuan ceritakan mengenai latar belakang keluarga tuan sekarang?**

MHH: Saya?

**NSD: Haa.**

MHH: Saya-- isteri saya nama Che Naterah bin Nordin [sic, binti] dan saya sekarang ini ada tiga orang anak. Dua lelaki, satu perempuan dan apa ini kesemua mereka sudah hidup dengan masing-masing dan dengan rumah masing-masing dan dulu bekas graduan UiTM [Universiti Teknologi MARA] lah.

**NSD: Adakah isteri dan anak tuan boleh menenun songket?**

MHH: Isteri saya boleh. Anak tidak boleh.

**NSD: Adakah terdapat di antara anak tuan yang terlibat dalam bidang atau seni songket?**

MHH: Setakat ini seorang pun tiada.

**NSD: Seorang pun tiada—**

MHH: Seorang pun takde [tiada]. Masing-masing lepas [selepas] pada [daripada] *grad* [graduasi] itu dapat kerja masing-masing dan tiada minat songket lah. Semua dengan kerja masing-masing lah dan tiada tinggal di sini pun.

**NSD: Okey haa.**

MHH: Luar pado [daripada] Kelantan lah.

**NSD: Oh, luar Kelantan. Boleh puan [ sic tuan] terangkan di mana anak tuan sekarang berada?**

MHH: Yang pertama yang sulung lelaki bekerja di Temerloh [Pahang], PNB Temerloh [Perbadanan Nasional Berhad] Temerloh dan tinggal di Raub [Pahang] pasal [sebab] suami dia hmm isteri dia seorang guru di Raub dan dia sudah menetap terus di sana. Dia beli rumah sana [di sana] kan.

**NSD: Anak kedua?**

MHH: Yang kedua perempuan yang juga graduan daripada ITM sekarang kerja di ini--Penolong Pengarah Imigresen Malaysia la. Baru bertukar ke Ibu Pejabat di Putrajaya [Wilayah Persekutuan Putrajaya]. Putrajaya lah.

**NSD: Bagaimana dengan anak ketiga?**

MHH: Anak ketiga graduan daripada ITM jugak [juga]. Dia sekarang bekerja dengan pro-lintas. Pro-lintas ini anak syarikat-anak syarikat PNB lah. PNB tidak silap saya pro-lintas ini *highway construction* [penyelenggaraan lebuh raya] lah. (Sambil menggangguk)

**NSD: Bolehkah tuan menceritakan latar belakang pendidikan tuan?**

MHH: Saya sekolah rendah Sultan Ismail [Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan] *primary school* [sekolah rendah]. Mula-mula sekolah di Redang *English School* [Sekolah Inggeris], tiga tahun selepas itu, Sultan Ismail *primary school*. Satu [tahun] selepas itu, SIC *Sultan Ismail College*, tingkatan satu. Selepas itu, tingkatan dua, empat [di] *Anderson School* [Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson, Ipoh Perak] *and then* [selepas itu] balik SIC balik tingkatan enam.

**NSD: Di manakah tuan mendapat pendidikan tinggi?**

MHH: Tinggi- di ITM lah masa itu. (Sambil menggangguk).

**NSD: Di manakah lokasinya?**

MHH: Shah Alam [Selangor] lah tiada lain dah.

**NSD: Okey, bagaimana tuan boleh terlibat dalam bidang songket?**

MHH: Kalau ikutkan bidang terjun lah. Macam saya cakap tadi kan pada bila berlaku apa ni sebelah ITM masa itu saya salah sorang daripada *exco* [ahli jawatankuasa persatuan] dalam Kesatuan Siswa Institut Teknologi [ITM] masa itu. Jadi dengan sendiri terlibat dengan berlakunya apa ni *student aggressive* [pelajar agresif].

**NSD: Siapakah yang mendorong tuan berminat dalam bidang tenunan songket?**

MHH: Itu yang saya cakap tadi, bidang terjun lah. Tiada sesiapa dorong tetapi terpaksa lah kena ambil alih sahaja lah.

**NSD: Okey. Sebelum penglibatan dalam bidang songket, apakah pekerjaan tuan?**

MHH: Tiada. Terus—selepas pada itu saya terus balik ke-- terus duduk *start* [mula] dengan jaga *show-show* [pameran-pameran] macam ini lah dan dengan sendiri belajar dengan *marketing* [pemasaran] semua itu, cara layan orang, dari situ lah.

**NSD: Kiranya ini *first* [permulaan] kerja tuan lah? Tiada kerja dengan mana-mana?**

MHH: Tiada.

**NSD: Apakah cabaran yang dihadapi oleh tuan dalam perusahaan songket?**

MHH: Ia masa dulu [dahulu] cabaran tidaklah macam sehebat sekarang lah. Ia macam kos tinggi, murah dan semua murah lah dari segi kos, orang kerja mudah dalam keadaan masa itu lah dan peringkat baru ini budak-budak ini masuk sekolah, masuk universiti kan. Jadi minat dia orang untuk menenun itu tiada lah. Jadi terpaksa kena terima lah.

**NSD: Dengan siapakah tuan berguru untuk menghasilkan songket?**

MHH: Dengan ibu saya la. Ibu. Maknanya saya dari segi teknik sahaja yang saya tahu nya. Pembuatan itu bukan saya buat sendiri lah. Teknik sahaja kita tahu.

**NSD: Apakah hasil pertama tuan dalam penghasilan songket? (bunyi notifikasi telefon)**

MHH: Hasil biasa sahaja lah kain songket begitu sahaja lah, bunga tabur hmm—  
(sambil menggangguk).

**NSD: Tahun bilakah tuan mula berkecimpung dalam bidang tenunan songket?**

MHH: Kalu [kalau] nok [nak] kira mula daripada kecil [kecil] lagi lah saya pernah tengok cara membuat, cara ikut orang tua, pergi tengok orang tenun. Daripada situ maknanya tengok orang buat itu maknanya faham lah apa benda songket itu.

**NSD: Berapakah umur tuan pada ketika itu?**

MHH: Tika [ketika] itu masa kecil-kecil dulu dalam umur dua belas tahun sebelum dua belas tahun [12 tahun] *primary school* lagi kan.

**NSD: Adakah tuan pernah terlibat dengan apa-apa pertandingan atau anjuran mengenai**

**Songket?**

MHH: Pernah. Bukan saya lah, Che Minah lah pernah masuk Muzium Negara selepas itu hok [kepunyaan] kraftangan kan, jadi kita pergi lah ajak masuk, kita masuk pertandingan lah.

**NSD: Bagaimana tuan boleh terlibat dengan pertandingan atau anjuran songket tersebut?**

MHH: Atas jemputan lah. Jemputan daripada Muzium Negara, Kraftangan Malaysia. Dia orang jemput tanya nak masuk tak, kita terima lah ya pencalonan.

**NSD: Apakah perasaan tuan pada ketika itu? Boleh terangkan serba sedikit?**

MHH: Macam mana maksud dia itu?

**NSD: Macam perasaan memasuki pertandingan tersebut?**

MHH: Tiada, macam biasa lah. Kita masuk bukan kata nak menang kan. Nak sebagai orang kata penyertaan sahaja lah. Jadi kalau masuk itu penyertaan ada nama lah. Itu sahaja lah dan menyahut seruan kerajaan. Itu sahaja lah.

**NSD: Bilakah tuan mula meminati warisan songket ini?**

MHH: Ia selepas itu lah. Selepas pada peristiwa ITM selepas itu terpaksa kena minat lah.

**NSD: Mengapakah tuan memilih untuk berada dalam bidang songket berbanding bidang lain?**

MHH: Sebab masa itu saya nampak maknanya dalam keadaan pada masa itu masih ada lagi orang kata peminat songket. Jadi ramai orang pakai songket lagi. Jadi maknanya jualan songket tidak ada masalah. Jadi kita teruskan dengan industri songket ini lah masa keadaan masa itu lah.

**NSD: Siapakah idola tuan dalam tenunan songket?**

MHH: Itu lah. Ibu saya lah tiada orang lain , dia.

**NSD: Bagaimanakah sokongan masyarakat terhadap kerjaya tuan pada ketika awal-awal penglibatan tuan dalam bidang tenunan songket?**

MHH: Masyarakat maknanya dia lah apabila jadinya apabila dia mari [datang] tu “eh kamu ada sini kan?”. Jadi seronok lah kita masih mengekalkan identiti songket ini kan.

**NSD: Tuan cakap tadi tuan daripada ITM kan, adakah pelajar sama *batch* [kumpulan] atau pensyarah yang pernah datang ke sini untuk *support* [menyokong] tuan?**

MHH: Ada-ada. *Even* [walaupun] Tan Sri Arshad Ayub selalu datang. Banyak lah dia selalu pernah datang “eh ada sini kamu”?

**NSD: Bagaimana mereka boleh mengenali ---**

MHH: Itu biasa, masa dulu kan ada lawatan biasanya dia datang. Dari segi lawatan dia orang bawak sini lah dan “eh kamu ada sini”. Iya ada sini lah terpaksa lah selepas itu dia orang by *mouth to mouth* [mulut ke mulut] hendak jadikan cerita ada student ITM yang yang kena itu disiplin dulu ada buat kain songket. Jadi dia orang datang *lecturer* [pensyarah] ramai dulu. Tapi tidak kenal sudah kalau kenal pun Arshad Ayub sahaja. “Kenal Arsyad Ayub?”

**NSD: Kenal. Ada baca.**

(mencelah)

**NIA: Kenal.**

MHH: Kenal Arsyad Ayub. Dia datang. *Last* [akhir] sekali dia datang tahun sembilan belas eh, tahun tujuh belas ke lapan belas datang dia buat konvo [konvokesyen]. Lepas konvo dia datang sini dia datang, kenal. Dia panggil cikgu sahaja. “Cikgu, cikgu” tak—

**NSD: Apakah kepakaran yang ada pada tuan dalam penghasilan songket?**

MHH: Sebenarnya saya tidak kata pakar lah. Tapi saya tahu teknik dia, cara buat dia kan. Maknanya kalau orang nak buat kita boleh bagitau[beritahu] cara dia lah maknanya gini-gini [begini] kalau salah, salah. Kalau betul, betul. Tapi kalau saya nak buat benda itu, tidak boleh lah. Kena ada orang lain yang pandai.

**NSD: Berapakah kos yang tuan habiskan untuk membuat sehelai songket?**

MHH: Ia *depend* [bergantung] la *depend*, kalau sehelai songket ini jenis hok muroh [murah] itu dalam *piece* [sehelai]. Kalau bunga penuh *pieces* itu dalam dua tiga ratus jugak lah. Kalu yang IM itu upah sahaja dah seribu lebih dah.

**NSD: Apa beza IM dengan bunga penuh?**

MHH: Dia bunga penuh itu boleh jadi IM.

**NSD: Ooo.**

MHH: Haa, teknik pembuatan cara yang susah. Harga dia meningkat tinggi lah. Masa-masa makan masa lah. Makan masa satu bulan lebih, dua bulan pun ada. Kos pun tinggi lah. Upah tenun jadi mahal sampai dua ribu sehelai pun ada upah saja.

**NSD: Sepanjang kerjaya tuan, apakah anjuran terbesar yang pernah tuan terlibat?**

MHH: Biasa tahunan lah yang pernah terlibat di Hari Kraf Negara di Kuala Lumpur lah. Tiap-tiap tahun saya pergi lah.

**NSD: Adakah tahun ni—**

MHH: Tahun ni tiada *last* saya pergi tahun dua ribu dua belas [tahun 2012]. Tahun lapan belas [tahun 2018] saya tidak pergi. Tahun lapan belas [tahun 2018] sembilan belas [tahun 2019] saya pergi (sambil berfikir) tahun ini sahaja tidak pergi (sambil menggangguk).

**NSD: Kenapa sebab yang tidak pergi?**

MHH: Sebab tidak pergi dari segi *logistic* [logistik] lah tiada orang nak jaga lah.

**NSD: Apakah perasaan tuan pada ketika itu? Ketika sedang terlibat dengan anjuran—**

MHH: Dia kat situ kita jaga ada macam- biasa sahaja la jadi maknanya sana pun di masa sana pun dia macam hari orang ramai kan jadi kita pun layan dia orang kan, cara dia orang beli kan kita rasa seronok sikit la masa itu.

**NSD: Adakah tuan menyertai anjuran tersebut atas dorongan seseorang?**

MHH: Tiada. Itu dia ini biasanya dia jemputan lah daripada Kraftangan Malaysia di jemput secara sukarela. Hendak pergi kita pergi, tidak hendak tiada masalah. Tapi setiap tahun dia akan hantar jemputan lah, kita jawab tidak hendak pergi *one month before that* [satu bulan sebelum itu] kita jawab “tidak pergi” jadi tiada slot la untuk kita.

**NSD: Kebiasaannya siapakah yang terlibat dengan anjuran tersebut?**

MHH: Kraftangan Malaysia lah. Bawah kementerian apa saya lupa Kementerian Pelancongan saya rasa sekarang ini. Aaa, bawah pelancongan.

**NSD: Dekat sana itu songket sahaja ke atau ada lagi kraftangan?**

MHH: Kalau di sana kita jual songket sahaja. Dia khas untuk songket. Selepas itu, songket, (sambil menggayakan pecahan) batik asing. Tidak setempat lah.

**NSD: Berapa kalilakah tuan terlibat dengan anjuran yang diadakan?**

MHH: Lama sudah. Rasanya lebih sepuluh kali [10 kali]. Setahun sekali dari tahun dua [dua] ribu berapa [berapa] tok [tidak] ingat sudah. (Sambil mengingati balik) dia dua ribu daripada dua ribu empat [2004] lagi. Haa, dua ribu empat [2004] *every year* [setiap tahun] kita pergi sampai tujuh belas “eh sapa [sampai] tujuh belas la tujuh belas” [tahun 2017].

**NSD: Apakah pengalaman yang tuan tidak boleh lupakan sepanjang berada dalam bidang tenunan songket?**

MHH: Dari segi mana maksud dia? Maknanya—

**NSD: Anjuran ke atau peristiwa yang—**

MHH: Oh, peristiwa itu banyak lah kalau ada masa itu. Kadang-kadang kan kita terpaksa persiapkan macam Sultan hendak datang kan. Sultan ataupun orang besar macam menteri ke hendak datang kan, diorang bagi tahu awal-awal kan macam Sultan macam Raja dia bagitau awal supaya kita bersiap lah. Kawasan kena bersih.

**NSD: Saya difahamkan bahawa Sultan Kelantan pernah membuat songket di sini.**

MHH: Haa, Sultan Kelantan memang biasanya buat di sini lah. Memang kita buat untuk dia orang lah.

**NSD: Memang pertama kali atau—**

MHH: Selalunya memang *every year* lah. Biasanya hendak pakai kain songket dia buat di sini lah. Di Pejabat Sultan lah.

**NSD: Adakah sukar untuk tuan memulakan penglibatan dalam bidang tenunan songket ini?**

MHH: Nak kata sukar itu tidak jugak lah tapi sebab kita sudah ada tapak dia tiada masalah la. Kalau baru hendak mula itu rasa susah sikit lah.

**NSD: Okey kita masuk ke sejarah perkembangan songket di Malaysia. Boleh tuan terangkan tentang sejarah wujudnya songket di Malaysia?**

MHH: Sikit-sikit boleh la. Dia yang saya tahu nya songket kalau di Kelantan ini asal daripada belah mak saya (sambil menunjuk diri sendiri) dan asalnya

daripada belah Terengganu. Belah Terengganu dia bawak mari [datang] sini. Asalnya-. Dia kembang kepada mak saya *and then* [selepas itu] adik-beradik la mak saya adik-beradik saya yang lain lah. Daripada situ lah mula nya songket (sambil mengganguk). Daripada situ lah mula nya asal nya. Masa dulu dia duduk dekat-dekat jah (sambil menggayakan dalam satu kelompok). Senang. Orang kerja pun tiada. Kan orang mari belajar senang masa itu budak-budak tidak pergi sekolah tidak apa kan. Senang masa tu kan (sambil mengganguk).

**NSD: (Sambil mengganguk)**

MHH: *And then*, kalau yang betul-betul songket asalnya di Kampung Langgar nuh [di sana] hoktu [ yang itu] yang asal. Kampung Langgar tu-, yang songket selepas itu yang songket *family* [keluarga] asal tapi dah tiada dah.

**NSD: Kampung Langgar itu keluarga encik ke?**

MHH: Bukan-bukan. Orang lain (sambil mengganguk). Yang itu yang asal. Yang dulu-dulu yang songket situ yang asal. Kalau songket lamo [lama] yang dulu-dulu tahun- *early 19 centuries* [awal abad ke-19] daripada sana lah (sambil menunjuk ke belakang).

**NSD: Bilakah songket mula diperkenalkan di Malaysia?**

MHH: Songket ini sebenarnya daripada dulu lagi dah ada dah. Daripada tahun awal tahun lapan belas sembilan puluh [tahun 1890] lapan belas lebih itu, akhir tahun lapan belas itu dah ada dah songket. Tapi bukan daripada keluarga saya lah. Daripada keluarga daripada Langgar [Kampung Langgar] nuh (sambil menunjuk ke belakang).

**NSD: Aaa.**

MHH: Daripada sana lah.

**NSD: Bilakah songket mula bertapak di Kelantan?**

MHH: Seingat dalam tahun lapan belas lebih lagi lah asalnya. Lapan belas. Tahun lapan belas, seribu lapan ratus lah [tahun 1800]. Seribu lapan ratus [tahun 1800] rasa sudah ada sudah. Sudah ada lah songket ini. Masa ini lah riwayat- Abdullah Mursyi kan? Dia pernah datang kalau baca hikayat Abdullah Mursyi. Mungkin ada sebut pasal songket ini di Kelantan. Saya tidak ingat dah (sambil menggeleng).

**NSD: Di Kelantan, daerah manakah yang terkenal dengan songket?**

MHH: Haa, kalau yang asal Langgar lah. Asal. Sekarang ini. Kalau selepas itu di Kampung Penambang. Kampung- aaa, di sinilah Kampung Penambang lah. Kampung Penambang dengan Kampung Laut lah (sambil menunjuk ke arah Kampung Laut).

**NSD: Terdapat berapa jenis songket kah yang ada di Malaysia?**

MHH: Songket dia kalau hendak kira dia songket ini dia satu jenis aje. Dia ada bunga. Bunga penuh, tabur. Gitu jah [begitu sahaja] asalnya. Ada yang beza dia itu cara tenun. Cara tenun *and then* cara benang kok yang membuatkan harga tinggi itu dari segi kos. *Costing* [kos] lah. Tapi songket ini dia maknanya ada- bunga penuh bunga tabur. Itu sahaja. Yang lain tiada.

**NSD: Adakah terdapat songket khusus yang tidak boleh dipakai oleh golongan biasa?**

MHH: Ada ada ada. Macam pakaian seragam untuk- orang besar khas buat untuk dia orang lah. Kita tidak boleh pakai lah.

**NSD: Dia itu apa meliputi corak—**

MHH: Dia meliputi corak, motif yang tidak boleh buat untuk orang lain. Tidak boleh pakai untuk pakaian biasa. Aaa, tidak boleh.

**NSD: Pemakaian songket dikatakan boleh melambangkan kedudukan seseorang. Bagaimana kita hendak menentukan corak atau motif yang digunakan?**

MHH: Dia kalau macam pakaian Datuk ini dia ada motif dia sendiri. Maknanya kita tahu la kelas. Kelas Datuk itu kan. Maknanya dia ini seorang Datuk lah. Masa dia pakai masa istiadat lah. Masa itu kita tahu lah dia pakai kan. Kalau warna merah, merah darah ikan, warna *purple* [ungu]. *Purple* itu ada *family-family*. Masa pergi istana itu hari *birthday* [lahir] Tuanku dia pakai ikut warna lah. Macam menteri, pembesar ni dia pakai corak ini.

**NSD: Adakah pembesar juga tidak boleh pakai warna yang sama?**

MHH: Tidak boleh. Dia ada adat dia dah. Macam istiadat Datuk dia macam ini.

**NSD: Ooo.**

(mencelah)

**NIA: Ooo.**

MHH: Datuk dia ada bunga untuk Datuk. Kalau orang biasa ini dia pakai warna hitam dengan sampin sahaja lah. Sampin hitam. Songkok.

**NSD: Pernah tidak Che Minah ini buat songket untuk pembesar, raja, datuk?**

MHH: Pernah. Kita buat sokmo [selalu]. Banyak [banyak] kita buat pakaian Datuk semua kan. Untuk Kelantan lah. Untuk luar tiada.

**NSD: Pada zaman dahulu, ada yang berpendapat bahawa semakin rumit motif dan corak semakin tinggi kedudukan mereka.**

MHH: Eh, tidak semesti. Maknanya dia corak bunga sahaja yang menentukan

**NSD: Apakah perkara tersebut masih *relevant* [relevan] dengan masa kini?**

MHH: Tiada dah tiada. Dia bunga dia satu sahaja. Kalau untuk Datuk pakaian dia yang itu sahaja lah. Tapi bukan kata mahal sangat. Tiada lah.

**NSD: Biasanya kain songket popular dijadikan baju apa untuk kaum wanita dan lelaki?**

MHH: Untuk wanita biasa baju kurung lah. Baju kurung. Kalau lelaki dia buat baju ini lah, baju melayu.

**NSD: Siapakah yang mengajar tuan untuk menghasilkan songket di Kelantan?**

MHH: Daripada ibu saya lah. Itu sahaja lah. Loni [sekarang] tahu cara songket daripada orang tua.

**NSD: Boleh tuan terangkan perbezaan songket Terengganu dengan songket Kelantan?**

MHH: Tiada beza. Sama sahaja. Sama. Cara tenun sama sahaja. Jadi kalau orang tidak biasa, tidak tahu lah songket Kelantan. Jadi sama sahaja.

**NSD: Apakah yang menjadikan songket Kelantan lebih popular berbanding songket yang lain?**

MHH: Dia hendak kata popular itu tidak mana [sangat] sebab kita nama sudah ada lah. Orang tahu Che Minah ini dia tidak tinggal lah songket. Makna dia sudah kenal songket. Maknanya songket ini ada nilai lah. Itu sahaja lah.

**NSD: Negeri manakah yang selalu menggunakan songket?**

MHH: Yang banyak Kelantan lah. Kelantan- negeri lain pun pakai jugak. Tapi Kelantan sampin lah. Selalu guna sampin.

**NSD: Di antara negeri Pantai Timur adakah Kelantan menjuarai pemakaian songket?**

MHH: Kelantan lah kalau nak kira. Kelantan lah.

**NSD: Boleh encik terangkan bagaimana songket boleh menjadi sebahagian daripada warisan yang ada di Malaysia?**

MHH: Macam mana maksud dia?

**NSD: Songket ini macam kan kita ada kraftangan, kita ada membuat bakul-bakul *and* [dan] songket itu termasuk dalam warisan Malaysia.**

MHH: Haa, haa.

**NSD: Bagaimana songket tu boleh termasuk dalam warisan Malaysia?**

MHH: Songket ini pasal daripada dulu lagi kita sudah-- orang tua sudah buat kan. Jadi dengan sendiri dia akan jadi warisan. Barang- jadi barang termasuk macam buat tikar kan. Maknanya macam buat keris kan. Jadi dia asal kan dan bertapak tempat kita kan. Jadi, dengan sendiri dia akan jadi warisan dan jatuh bawah kraftangan. Bawah kraftangan- Malaysia lah.

**NSD: Oh, kiranya dia daripada warisan turun temurun lah?**

MHH: Haa, (sambil mengiyakan) daripada asal lagi lah.

**NSD: Boleh tuan terangkan cara-cara penghasilan songket?**

MHH: Oh, dia banyak peringkat lah. Daripada celup benang, selepas itu, dia celup benang *and then*- dia kena asingkan benang buat benang itu jadi wap losing dia panggil kan. Losing itu baru dia ini masuk caro [cara]

bungo [bunga] dia dan *last* sekali baru tenun lah. Dia banyak peringkat lah. *Step by step* [peringkat demi peringkat].

**NSD: Apakah peralatan yang digunakan untuk membuat songket?**

MHH: Yang penting sekali, yang penting dia panggil kay lah. K-A-Y kay.  
Dalam Bahasa inggeris dia panggil *loom*. L-O-O-M, *loom*.

**NSD: Adakah itu peralatan utama atau ada peralatan lain lagi?**

MHH: Itu peralatan utama lah. Tiada *loom* itu tidak boleh hendak tenun kain lah.

**NSD: Peralatan sampingan?**

MHH: Banyak lagilah macam alat *spinning, mineral, and then--* banyak lagi lah dia ada alat dia macam *shutter*. *Shutter* [torak] itu kalau dalam Bahasa melayu dia panggil torak. Torak kalau dalam Bahasa inggeris *shutter*.

**NSD: Terdapat berapa jenis kah songket yang tuan ciptakan?**

MHH: Dia kita ambil daripada asal lagi lah. Turun-temurun lagi lah. Maknanya dia punya *design* [reka bentuk] dia maknanya kita ikut corak kebanyakan daripada fauna lah. Eh, flora. Bukan daripada fauna lah. Bukan daripada binatang lah. Dalam bentuk-

**NSD: Tumbuh-tumbuhan?**

MHH: Haa, tumbuh-tumbuhan. Flora lah.

**NSD: Di Che Minah sendiri, berapa jenis songket kah yang ada di sini? Yang dijual?**

MHH: Sekarang ini yang kita ada ini songket yang *standard* [biasa] yang kita ada ini tenun sutera dengan tenun biasa lah. Tenun kapas dengan tenun *polyester* [polister] Kalau yang sutera itu dia tinggi sikit la harga nya. Tinggi banyak la hargo [harga] nya.

**NSD: Apakah perbezaan antara tenun kapas dengan *polyester*?**

MHH: Kos lah. Kos benang.

**NSD: Berapakah lama masa yang diperlukan untuk menyiapkan sehelai kain songket?**

MHH: Dia *depend* lah. Kalu [kalau] nok mudoh [mudah] dio [dia] limo [lima] enam hari siap lah. Kalu [kalau] hok *high end* [mewah] itu dio bulih

[boleh] gi [pergi] sampai dua bulan pun ada. Satu sampin la. Kita ambik atas sampin la. Senang.

**NSD: Kaum manakah yang terlibat dalam pemakaian songket?**

MHH: Kalau nok kiro, kalau sampin *majority* [majoriti] banyak orang lelaki la. Sampin kan. Kita buat sampin la. Kalau perempuan dia kurang, tak banyak lah.

**NSD: Selain hari perkahwinan dan hari raya, adakah songket juga dipakai pada hari lain?**

MHH: Biasa hari untuk ini la pakai untuk *ceremony dress* [pakaian upacara] je lah. Tidak kata hari macam ada hari besar-besar gitu je la. Kalau hari-hari biasa tak pakai. Kalau adapun orang pakai masa maye [solat] Jumaat je la haa.

**NSD: Apakah corak dan motif yang biasa digunakan untuk dijadikan sampin di majlis perkahwinan?**

MHH: Tak semestinya, biasa bunga tabur. Kadang-kadang bunga penuh. Yang itu je la.

**NSD: Adakah *design* sampin hari perkahwinan itu ditentukan oleh—**

MHH: Oh, takdok. Terbuka

**NSD: Permintaan songket meningkat pada hari perkahwinan atau sambutan hari raya?**

MHH: Dia masa ini kalau ada banyak kerja kawin akan naik. Dia dekat-dekat hari raya dan masa cuti sekolah dia orang datang lah. Mari buat lawatan dan beli.

**NSD: Adakah terdapat corak tertentu yang sesuai dipakai dengan baju melayu?**

MHH: Dia takde. Dia tak semesti, dia biasanya dia orang pakai ikut warna baju lah. Baju melayu warna itu samping pun ikut warna. Tapi tak semesti lah.

**NSD: Negara mana yang terkenal dengan songket?**

MHH: Haa, Brunei, Indonesia. Banyak.

**NSD: Di Malaysia kerabat manakah yang paling ramai menggunakan songket?**

MHH: Biasa [biasa] semo [semua] rajo-rajo [raja-raja] paka [pakai] belako [semua]. Tapi saya tak tahu yang mana satu lah.

**NSD: Adakah terdapat—**

MHH: Pasalnya songket ini pakaian rasmi lah untuk- istana lah.

**NSD: Adakah terdapat persatuan bagi songket di Malaysia?**

MHH: Setakat ini takde lah. Pasalnya dia tidak besar, tidak macam batik. Dia ramai lah. Kita pun tidak buat. Tak buat persatuan lah.

**NSD: Apakah cabaran menjadi pengusaha songket?**

MHH: Cabaran sekarang ni ialah dari segi *costing*, dari segi orang kerja makin susah kan. *Demand* [permintaan] itu ada tapi dari segi orang kerja tu susah. Jadi kita nak buat sendiri semua itu dah takde, tak larat, takde orang kerja. Terpaksa kita kena *out sources* [keluar sumber] lah. Nak *out sources* dengan Terengganu kan. Terpaksa lah.

**NSD: Pada pandangan tuan, bagaimanakah kerajaan dapat mencungkil bakat orang muda dalam penghasilan songket?**

MHH: Dia kerajaan sekarang ini ada buat kan bawah kraftangan. Ada Institut Kraf Negara di Jalan Templer di Kuala Lumpur nuh. Dia buat ada macam akademik la akademik kraftangan. Sana dia ada macam-macam. Ada bahagian batik semua, songket. Jadi di situ lah orang muda banyak pergi belajar cara buat songket. Cara tenun songket.

**NSD: Apakah keperluan yang diperlukan untuk membuat songket?**

MHH: Dia songket ini kena dia kena ada minat satu pahtu [selepas itu] dia kena ada tekun itu je lah. Kalau takde minat, tak tekun, tak boleh buat lah (sambil menggeleng).

**NSD: Adakah kesabaran yang tinggi juga diperlukan?**

MHH: Iya. Kita kena sabar lah pasal nak dapat satu kain itu makan masa sebab itu banyak orang tak mahu buat itu.

**NSD: Adakah terdapat latihan khusus untuk menjadi seorang penenun songket?**

MHH: Dia kalau penenun saja takde khusus. Makna dia boleh belajar sekejap sahaja dalam masa sebulan dua pandai lah. Tapi nak belajar semua sekali itu kena lama lah. Daripada mula-mula sampai akhir. Cara nak buat bunga semua itu. Sebab itu di Institut Kraftangan buat lah. Dia ajar semua lah. Di Kuala Lumpur ada Institut Kraf Negara.

**NSD: Adakah Che Minah songket ini menerima pelajar ataupun orang awam untuk belajar?**

MHH: Kita terima tapi dulu ramai dulu dia mari belajar. Dia balik buat kat rumah tapi sekarang dah tak ada. Orang muda tak minat. Muda-muda sekarang ini banyak masuk kilang pun banyak. Pahtu Pusat Pengajian Tinggi bila dah belajar MCA itu. M-C-A. S-P-M [Sijil Pelajaran Malaysia], S-P-M. Lepas SPM itu dapat gred itu, pergi belajar. Buat diploma. Buat matrik. *And then* masuk Pusat Latihan. Takde orang nak. Itu lah. Tenun itu takde minat, mintak [minta] kerja kilang. Minat tu takde lah. Takde orang nak tenun. *Slowly dying* [perlahan-lahan mati] lah.

**NSD: Apakah keperluan yang diperlukan untuk membuat songket?**

MHH: Keperluan itu lah. Benang semua itu asas lah semua itu. Benang, benang emas, asas je lah.

**NSD: Bagaimana tuan melihat potensi songket di Malaysia?**

MHH: Potensi sekarang ini okey lagi tapi masa depan itu mungkin benda ini akan *dying industry* [industri mati] kan. Jadi makin kurang, makin takde jadi kita terpaksa kena jual saja lah. Kena cari *sources* [sumber] lain lah. Mungkin bukan *sources* dalam *library* [perpustakaan] sajo [sahaja]. Dari Terengganu pun sudah timbul masalah. Masalah gini semua kan. Jadi orang tak mahu kerja kan. Nak jadi mahal tak boleh dengan *costing* itu. Terpaksa kita kena ambik mungkin daripada luar negara yang boleh buat songket. Yang kos dia murah lagi. Kepakaran di ada, kita suruh buat macam songket kita. Kepakaran dia ada, cara-cara tenun pun dia boleh buat. Tapi kita boleh suruh dia buat corak kita jadi lebih kurang sama dengan kita ni jadi *lower costs* [kos endah]. Itu je lah.

**NSD: Apakah kejayaan manis dalam penglibatan songket yang encik rasa mampu menjadi motivasi kepada orang ramai untuk terus mengekalkan warisan songket?**

MHH: Dulu kita dapat banyak macam kontrak semua. Tapi sekarang dah takde dah. Itu termasuk dalam tahun sembilan puluhan itu memang *top* [tinggi] lah masa itu. Masa ini kita nak bangga pun takleh nak bangga sangat lah. Takde dah nak dibanggakan pasal benda itu dah makin jatuh lah.

**NSD: Adakah nilai juga jatuh?**

MHH: Nilai tak jatuh. Pasal mana permintaan tinggi tapi dari segi kita nak buat barang itu memang tak boleh nak buat macam dulu. Pasal orang kerja takde. Barang takde masalah. Orang kerja takde, jadi tak ramai orang kerja kito [kita] nak upah itu orang kerja takde. Tak ramai. Jadi terpaksa kita kena cari *sources* lain lah.

**NSD: Pada pendapat tuan, bolehkah Malaysia menjadi pengeluar utama dalam pembekalan songket ke negara lain?**

MHH: Buat masa sekarang ini memang tak dapat lah. Pasal kos kita tinggi lah. Pasal ada banyak rintangan kan. Masa itu takde. *Supply* [membekalkan] atau orang tenun itu banyak. Maknanya kita bila *supply* banyak, jadi

mudah lah kita nak buat. Sekarang ini supply takde upah tinggi jadi upah tinggi pun tak boleh sebab orang kerja takde.

**NSD: Sekiranya suatu hari nanti Malaysia menjadi pengeluar bekalan songket, negara mana yang akan melonjak permintaanya?**

MHH: Buat masa ini takde. Palsalnya songket ini kita jual dalaman sahaja. Takde eksport takde.

**NSD: Bagaimana tuan melihat potensi penglibatan songket yang sedia ada di Malaysia?**

MHH: Memanglah jualan itu takde masalah. Masalah barang itu makin susah nak dapat. Palsal takde orang kerja lah. Kan? Jadi *costing* cukup naik harga makin tinggi kan. *Keep going up* [terus naik], *going up*. Jadi terpaksa kita kena *out sources* la barang ini kita kena beli tempat lain.

**NSD: Pada pandangan tuan, apakah kelebihan bidang songket ini kepada masyarakat?**

MHH: Dari segi kelebihan itu takde dah sekarang ini. Palsal susah nak ada orang kerja lah. Nak buat macam mana (sambil tersenyum). Jadi soalan itu payahlah sebab benda itu memang tak boleh nak buat dah sekarang ni.

*Even* kraftangan pun tak boleh nak buat apa dah sekarang ini. Dia *traine* [latih] budak, hantar balik tak boleh nak buat apa kerja pasal *costing* tinggi. Dia tak boleh nak buat. Dia buat sekejap, makan masa nak boleh keluar kain itu, nak jual dia ada dua tiga helai bukan mudah nak suruh keluar banyak sekali. Bila banyak, baru orang ada minat nak beli. Kalau ada dua tiga helai tak beli. Takde pilihan.

**NSD: Betul. Bagaimanakah cara yang boleh dilakukan agar generasi muda untuk lebih meminati bidang tenunan tersebut?**

MHH: Dia payoh [susah] doh [dah] apabila negeri itu makin maju dengan sendiri kraf makin jatuh. Mana-mana negara seluruh dunia. Automatik dia akan jatuh. Orang tak nak buat kraf. Pergi lah Thailand ke mana ke, semua orang taknak. *Slowly dying* kan? Jadi dia ubah buat cara Malaysiaje lah. Cara Malaysia je. Indonesia pun kain sarung mana ada. Semua mesin belaka doh. Dulu tenun tangan. Ada lagi tenun tangan tapi tak banyak doh la.

**NSD: Di antara mesin dengan tenun tangan, yang mana lebih berkualiti?**

MHH: Oh, mesti kualiti tenun tangan pasal masuk guna tangan dia boleh pilih tempat mana nak buat bunga kan. Kalau tenun mesin ini dia kena buat cara mudah, dia kena buat banyak. Jadi dari segi kualiti jatuh lah. Kualiti corak itu. Nak buat cara-cara *high end* tak boleh la. Untuk corak murah boleh lah. Itu yang kata kalau jenis-jenis kena *out sources* lah. Orang untuk *mathes* [pertandingan] ini kita kena buat yang *factory* [kilang] buat itu la yang buat dengan *machine* [mesin] itu lah. Dia buat banyak jadi

bunga itu la kita pilih la sikit-sikit. Yang jenis muroh la yang boleh jual muroh. Yang *high-hand* itu kita *maintain* [menjaga] tak banyak lah.

**NSD: Adakah ketahanan sesehelai songket tu [itu] bergantung kepada penggunaan mesin?**

MHH: Dia songket ini kalau pandai jaga sampai bila-bila tahan lama. Tak kira la *machine* ke tangan ke sama je. Tapi kena cara jaga lah. Itu saja.

## 5.2 Bahagian II

**NIA:** Boleh tuan jelaskan proses pembuatan songket ini dengan lebih *detail* [terperinci]?

MHH: Lebih *detail*. Ya, daripada celup benang, celup benang, lepastu dia apeni celup benang daripada celup benang tu kena *spinning* [pusing], *spinning and then* daripada *spinning* dia buat, dia buat loseng, aaa dia buat loseng, dia kena aaa dia buat loseng *and then* dia kena buat apeni bunga atas loseng tu. Haa, dia panggil apeni umm, dia panggil apa saya lupa, tak ingat dah. Hmm, lepastu dia kena buat apeni, dia panggil apeni lepas pada tenun, apeni lepas buat bunga tu barulah pasang alat tenun itu baru boleh tenun.

**NIA:** Okey, proses manakah yang sulit dan mencabar untuk dalam pembuatan songket ini?

MHH: Yang sulit sekali cara masa nak buat bunga itu lah. Nak buat apa ni *design*.  
Pasal dia kena bilang [kira] benang.

**NIA:** Oh, (sambil mengangguk) kena bilang?

MHH: Ha, (mengiyakan) kena bilang satu-satu pastu ikat, ikat, ikat lah nak jadi bunga tu--

**NIA: Okey, berapakah motif dan corak digunakan pada kain songket ini?**

MHH: Motif kebanyakan flora lah. Banyaklah dia boleh gi apeni macam Bunga Tanjung saya bagi contoh sikit-sikitlah Bunga Tanjung, Bunga apeni Bunga Raya, apeni Pucuk Rebung. Gitulah [begitulah] ada banyak lagilah dari segi flora *and then* kebanyakan songket ni dia dalam bentuk apeni—rhombus [segi empat]., *rhombus*. Ha *rhombus*. Dalam bentuk *rhombus*. Dalam Bahasa Melayu Dia panggil apeni ladu ladu. Haa, ladu, ladu

**NIA: Ladu?**

MHH: Tahukan?

(mencelah)

**NSD: Haa, (sambil mengangguk) tahu.**

MHH: *Rhombus*

**NIA: Berapakah bilangan corak pada sehelai songket adakah terhad?**

MHH: Dia biasanya kalau songket biasanya sarung atau sampin dia dia kepala kain itu, dia mesti biasanya corak Pucuk Rebung lah, Pucuk Rebung. Atau tepi itu dia buat Pucuk Rebung kecil ke ataupun Sisik Keloh [Kelah] bentuk sisik ikan ore panggil. Haa, dia punya *major* [utama] lah mesti kena ada Pucuk Rebung.

**NIA: Adakah motif dan corak itu Che Minah sendiri yang reka?**

MHH: Haa, (sambil mengangguk) dia kebanyakan *design* direka dululah, tapi kita masih pakai sampai sekarang.

**NIA: Haa. Okey motif atau pun corak apakah yang sentiasa menjadi pilihan pelanggan?**

MHH: Dia sebenarnya apeni. Dia songket ini nak kata pilihan itu tidak jugalah nak kata biasa kita jual tu tak kira motif apalah. Dia orang apeni berkenan diorang belilah, tak kisah hmm tak kisah.

**NIA: Biasanya motif dan corak pada songket ini mempunyai nilai estetika yang sendiri kei [kan]? Bolehkah terangkan motif corak ini ada nilai estetika pada sesuatu songket tu macam ni untuk perkahwinan ke?**

MHH: Takde, takde. Takde. Kecuali ni lah pakaian untuk adat istiadat je. Dia ada khas. Itu saja. Yang lain tu tak kisah lah bunga apa nak pakaikan. Untuk kerja kahwin ke untuk pakai biasa ke itu tak kisah.

**NIA: Tak kisah?**

MHH: Tak kisah.

**NIA: Motif dan corak manakah paling rumit untuk ditenun?**

MHH: Paling rumit dio jenis bunga yang besar-besar

**NIA: Oh, (sambil mengangguk)**

MHH: Bunga jenis yang besar-besarkan, itu lah dia rumitkan pasal dia banyok, banyak apenih peringkat dia kena buat. Kena, dia punya apeni bunga tu tebal dia punya, dia punya banyak besar dia punya apeni satu-satu nak ubah dia dia banyak. Kalau bunga kecik-kecik [kecil-kecil] dia *repeat* [ulang], *repeat* balik. Hokni, takleh *repeat* balik. Dio payohlah [susahlah].

**NIA: Dia buat sama takleh *repeat*.**

MHH: Haa, (mengiyakan) dia takleh *repeat*. Kalau bungo besar-besar hmm.

**NIA: Okey, berapa jenis fabrik untuk digunakan pada kain songket?**

MHH: Dia kalau apenih paling *top* [atas] ini sutralah, lepas itu kapas, ha kapas dan *polyester* [poliester], *last* sekali hok murohlah [murahlah] hmm.

**NIA: Adakah fabrik yang berkualiti digunakan pada songket ini memerlukan penjagaan yang rapi?**

MHH: Dia kalau macam, macam biasa songket ini semua dijaga rapilah, dia tak boleh, kalau boleh dia tak boleh basuh dengan air. Guna ape tu *dry cleaning* [cuci kering] lah paling sesuai lah hmm.

**NIA: Daripada manakah tuan mendapatkan bekalan fabrik?**

MHH: Kalau sutera China lah hm, kalau kapas, kalau *polyester* daripada kalau sutera dengan *polyester* China. Kalau kapas daripada India hmm. Kapas banyak di India.

**NIA: Hmm, berapa tempohkah masa untuk tuan mendapatkan fabrik tersebut?**

MHH: Benang?

**NIA: Haa, (sambil mengangguk) benang.**

MHH: Benang itu tak lama apeni paling-paling lama pun kalau sekarang ini dua minggu, tiga minggu boleh lah.

**NIA: Untuk harga sesebuah songket itu adakah bergantung kepada kualiti benang?**

MHH: Ha (mengiyakan) kualiti benang termasuklah.

**NIA: Sutera?**

MHH: Haa, (sambil mengangguk) haa, kalau sutera dia *high end* sikit. Tinggi sikit

**NIA: Berapakah harga sepasang songket tersebut?**

MHH: Sepasang, biasa kalau kita sebut dalam bentuk sampinlah. Harga tinggi itu boleh pegi sampai lima enam ribu [5, 6 ribu] ada untuk satu sampin hok bunga susahlah.

**NIA: Bunga susah?**

MHH: Cara nak wak [buat] susah bunga-bunga besar kan ha dia lama sampai dua bulan tenun hmm.

**NIA: Adakah tuan pernah menghasilkan songket yang paling mahal?**

MHH: Biasanya paling mahal itu lah setakat lima enam ribu [5, 6 ribu] untuk sampin saja.

**NIA: Untuk sampin saja?**

MHH: Hmm, (sambil mengangguk) untuk sampin saja.

**NIA: Berapakah harga songket tersebut?**

MHH: Apa ni?

**NIA: Harga songket paling mahal berapa?**

MHH: Lebih kurang lima enam ribu [5, 6 ribu] gitulah. Ada hok kita pernah buatlah

**NIA: Siapa—**

MHH: Untuk-untuk satu sampin.

**NIA: Siapakah yang pakai sampin itu? Orang yang tempah?**

MHH: Orang yang minat, serta orang yang apeni, apeni. Apeni ada-ada pendapatan yang tinggilah ha.

**NIA: Okey.**

MHH: Dia macam ini lah, bagi contoh. Pernah dengar *Maslow Theory* [teori Maslow]?

**NIA: Mas?**

MHH: *Maslow theory* [teori Maslow].

**NIA: Oh, (mengiyakan) Maslow.**

(mencelah)

**NSD: *Maslow***

MHH: Ha, (sambil mengangguk) faham?

**NSD: Faham (sambil mengangguk)**

MHH: Maknanya kalau orang yang *top* ini kan. Orang yang atas ini nak *satisfaction* [kepuasan], tak kiralah.

**NIA: Mahal**

MHH: *As long as* [asalkan] dia *satisfied* [puas hati] yang dia nak. Tak kisah. Lepas itu, apetu *Parkinson law* [undang-undang Parkinson]. Apeni *income* [pendapatan]. *Income*, katalah satu, dia ni satu orang *simple-simple* [sederhana] tiga ratus [RM 300] sebulan kan. *So* [jadi], *ninety percent* [90%] dia punya *income* itu dia guna untuk apatu *necessity* [keperluan] lah beras, air kan. Ha, itu *ten percent* [10%] je lah dia guna untuk hal-hal untuk, benda.

**NIA: Benda lain ?**

MHH: Benda lain untuk, nak kata *luxury* [mewah] tidaklah. *Luxury* lah *ten percent* [10%]. Kalau dia masuk tiga ribu [3000] kan. Mungkin *fifty percent* [50%] dia *spend* [guna] *for necessity another fifty percent* [50%]

*spend for luxury. Tapi fifty percent [50%] of 3000, is 1005 (sic. 1500) kan? Ni fifty percent [50%] luxury hundred fifty, 1500 juga kan? Maknanya walaupun sembilan puluh peratus [90%] yang 300 ni apenih 300 apa sepuluh persen [10%] tiga apeni 270. 270 bezakan. Dia—dia. Yang 3000 tu lima puluh peratus [50%] 1500 maknanya dak [kan]?*

**NIA: Hmm, (sambil mengangguk).**

MHH: *And, kalau kata one person [seorang] tu income dia 30000 per year. Per month [setiap bulan] so, ten percent [10%] ni dia spend untuk necessity 3000. Which is more than [yang lebih daripada] 3000 which is more than, fifty percent [50%] and ninety percent [90%]. Of below income. Yang ni sepuluh percent [10%] apeni ninety percent [90%], 2000, 27000 luxury. Haa, napok dok? Haa, macam itu lah. Jadi kalau orang yang punya income tu apeni melebihi.*

**NIA: Hmm (sambil mengangguk)**

MHH: Dia boleh beli itu tak kesahlah.

**NIA: Apakah perbezaan antara jenis fabrik ataupun kain songket tersebut?  
Perbezaan?**

MHH: Dari segi nilah dari segi bunga dia, dari segi apenih- kain dia jadi nampak. Nampak eksklusif dah kalau kain itu mahal.

**NIA: Adakah fabrik yang mahal ini?**

MHH: Walaupun mana tak sama kira songket, macam ini saya bagi contoh lah.

**NIA: Haa, (sambil mengangguk)**

MHH: Okey—*one* [satu], satu hari ada berapa jam?

**NIA: Dua empat**

MHH: *Twenty-four hour* [dua puluh empat jam] okey. Kalau you [awak] pakai jam tiga puluh ringgit. Berapa jam sehari?

(mencelah)

**NSD: Sama dua empat**

MHH: *Twenty-four*. Okey kalau you pakai jam Rolex?

**NIA: Hmm, (sambil mengiyakan)**

MHH: Yang *hundred thousand* [beratus beribu] itu berapa jam sehari?

**NIA: Dua puluh empat jam.**

MHH: Haa, (sambil mengangguk) *so why people go for* [kenapa orang pilih] Rolex?

**NIA: Haa, tahan lama?**

MHH: Nampak tak? Bukan tahan lama. *Why* [kenapa]. Tapi masa sama. Haa, Masa sama. Masa sama tapi *why they go for Rolex. Satisfsation* [kepuasan] lah.

**NIA: Okey.**

MHH: Maknanya benda itu kait [termasuk] semualah. Macam songket jugalah diorang kata semua songket, tapi ‘kenapa kau beli yang mahal, ada sebab lah bila aku pakai tu’.

**NIA: Nampak.**

MHH: Nampak?

**NIA: Antara jenis kain tersebut yang manakah yang menjadi pilihan pelanggan?**

MHH: Macam mana?

**NIA: Antara kain yang encik cakap itu? Yang manakah--?**

MHH: Dia banyak sampin lah.

**NIA: Sampin?**

MHH: Pasal sampin ini, dia banyak kegunaan hmm.

**NIA: Selain jentera, mesin asas yang digunakan untuk menenun songket apakah mesin lain juga digunakan?**

MHH: Rasa takde dah.

**NIA: Takde?**

MHH: Ha itu je lah. Dia *basic* [asas] dia punya itu hmm.

**NIA: Dari manakah tuan memperolehi mesin tersebut?**

MHH: Mesin itu daripada, daripada China ada.

**NIA: China?**

MHH: Haa, China. Hak [yang] kita wak [buat] pun ada mesin tenun yang itu.  
Tapi yang tradisional ni kita guna, kita buat sendiri, dia buat sendiri dia punya tu tuh [itu], alat tu. *Loom* itu kita buat sendiri.

**NIA: *Loom*?**

MHH: Haa, macei *shutter* [pengatup] adalah kita beli tempat lain hmm.

**NIA: Dari segi aspek kos. Adakah jentera mesin tersebut mengeluarkan kos yang tinggi?**

MHH: Dia kos hmm, tak tinggi sangat. *Everything it's done by* [semua dilakukan oleh] apa ini dia daripada apa ini bukan kata mekanikal lah. *Just* [cuma], apa ni cara dia dengan tangan lah. Harga kayulah. Kayu dengan upah lah.

**NIA: Biasanya berapa?**

MHH: Satu *loom* itu kalau *complete* [siap] dalam dua ribu [RM 2000] gitu je.

**NIA: Dua ribu?**

MHH: Hmm, (mengiyakan)

**NIA: Berapakah bilangan mesin yang digunakan sekarang?**

MHH: Sekarang Ini kalau yang kita ada itu dua [20] puluh jah la. Hok duk tenun kat kampung-kampung takdelah. Dulu ramai beratuh [beratus].

**NIA: Dulu?**

MHH: Hmm, tenun dulu.

**NIA: Okey, boleh jelaskan halangan dalam menggunakan mesin tenun ini?**

MHH: Kita yang *power loom* [mesin] kita takde lah. Kita memang tak buat dengan *power loom* lah. Kita buat dengan nama ni. Apeni *hand loom* [alatan tenun tradisional] -- *hand, hand*. Macam tenun songket biasalah. Kalau yang mesin apeni *power loom* ini mesin lah. Pasal kita *outsource*

lah. Kita beli dengan orang lain. Pasal dia ada modal lagi dia boleh buat dengan cara banyak. Dan dia pun dis—*distribute* [mengedar] pada tempat-tempat lainlah.

**NIA: Hmm, masa menyediakan *loom* itu, ada tak halangan macei [macam] rosok ko [rosak ke]?**

MHH: Rosok itu mesti ada. Kena baikilah. Haa. Orang tenun itu dia pandai buat.

**NIA: Selalunya berapa banyakkah benang yang digunakan untuk menyiapkan sesuatu songket itu?**

MHH: Dia kalau sampin, kalau benang. Dalam dua ratus gram [200gram] adalah. Campur dengan benang mas [emas] tiga ratus gram [300gram] satu sampin haa.

**NIA: Pada penggunaan warna kain songket adakah terhad dan sulit untuk menghasilkan warna itu?**

MHH: Warna--kalau masa dulu kita celuplah.

**NIA: Celup.**

MHH: Celup mana orang nak. Macam sekarang ini kita *direct* [terus]

**NIA: Beli?**

MHH: Beli. Yang sudah beli yang sudah ber *dye* [warna]

**NIA: Senang**

MHH: Haa, yang sudah dicelup. Dia sudah diwarnakan

**NIA: Benang apakah yang selalu yang selalu digunakan untuk songket?**

MHH: Sekarang banyak *polyester* lah murah.

**NIA: Polyester? Tapi**

MHH: Hmm, (mengiyakan).

**NIA: Tapi—**

MHH: Maknanya, dalam *nine, eighty percent* [90%, 80%] guna *polyester*.

**NIA: Adakah benang sutera juga digunakan?**

MHH: Masih gunakan lagi tapi *limited* [terhad] lah. *Limited*.

**NIA: Okey, untuk berapakah orang pekerja yang masih bekerja untuk tenun?**

MHH: Setakat ini tak sampai dua puluh oranglah pasal dia *seasonal* [bermusim].

Kadang-kadang rama. Kadang takde. Hmm, itu semua *hand loom* itu, tenun tangan itu.

**NIA: Okey, berapakah *range* [julat] umur pekerja yang terlibat.**

MHH: Sekarang ini. Sekarang ini *range above* [bawah], paling muda rasanya *forty plus* [empat puluh keatas] paling muda takde lah. Yang baru takde.

**NIA: Takdok? Okey, adakah ke semua diantara mereka berkemahiran dalam songket.**

MHH: Memang dia banyak, banyak hanya pandai tenun saja

**NIA: Okey.**

MHH: Anak-anak orang tenun pun bila dah belajar sekolah masuk masuk *University* [universiti] dah pergi balik kerja, balik apa nidadat kerja semua. Kadang satu *family* empat lima orang kan? Dapat kerja suruh mak dia berhenti tenun. Hantar duit mari.

**NIA: Betul.**

MHH: Banyak gitu lah. *Support* [sokong].

**NIA: *Support*.**

MHH: Anak-anak *support* kata tak payah buat kerja kita dah tua dah umur. Lima enam. Lima enam puluh [50,60 puluh] umur. Bereti [berhenti] takdok habis. Anak. Tinggal alat saja kat rumah. Haa, gitulah.

**NIA: Sayei lah [sayang lah]. Okey, bagaimanakah tuan melakukan hmm-, bagaimanakah tuan memastikan pekerja yang mahir menenun songket ini? Maknanya dia mari bekerja.**

MHH: Haa, dok [bukan], biasanya kita, kita pergi, kita pergi hantar semua baranglah, alat-alat semua ni. Benang ke, dia nak tenun kita pergi hantar dia. Dia tenun siap kita pergi ambil macam itu lah. Kita pergi ambil kat umah [rumah] dia.

**NIA: Kat umah. Okey, adakah susah mendapat pekerja yang mahir dalam tenun ni pada masa sekarang?**

MHH: Sekarang ni takde lah.

**NIA: Takde?**

MHH: Haa, takde makin kurang makin kurang lah hmm. Maknanya paling muda pun dalam *forty almost fifty* [hampir empat puluh] dah. *Another ten years* [sepuluh tahun] lagi mungkin takde.

**NIA: Takde. Bagaimankah tuan melakukan untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja menenun songket ini?**

MHH: Setakat ini nak kata kita latih tu takde lah. Takde orang nak berlatih. Takde ore nak buat latihan. Tinggal ore. lamo-lamo [lama-lama] pun dio tenun kat rumoh.

**NIA: Hmm.**

MHH: Kita buat barang itu siap kita hantar. Gitulah.

**NIA: Okey, apakah cabaran dalam untuk meningkatkan pekerja untuk menenun songket ni. Cabaran?**

MHH: Cabaran dia tadi lah. Takde.

**NIA: Takde?**

MHH: Loni [sekarang ini] memang orang takde minat dah sekarang. Semua pergi masuk apa ni. Apa ni belajar tinggi-tinggi keluar, ada yang lemah sikit masuk apenih [apa ini], politeknik apa ni-- kolej apa ni, apa ni macam hok MARA kolej

(mencelah)

**NSD: *Most* [kebanyakan] kepada bidang kemahiran lah?**

MHH: Haa, bidang kemahiran macam buat apa ini. Belajar buat kuih, belajar jahit kan? Haa, hok kat KEMAS [Jabatan Pembangunan Masyarakat] itu kan. Haa, dia cepat lagi boleh- boleh cari makan.

**NIA: Hmm, bagai- bagaimanakah tuan menghadapi cabaran ini?**

MHH: Setakat ini ye lah yang mana ada itu kita sambung, *and then*, yang tak dapat kita ni kita *outsource* dapat pada sumber-sumber yang lain haa.

**NIA: Okey, ini nak tanya pasal organisasi ini. Boleh terangkan nama perniagaan dan perusahaan encik ini?**

MHH: Nama. Sini kita gunakan nama Pantas Batik dan *Enterprise* [perusahaan] haa gitu jelah. Tapi itu bukan apa nih. Apa ni, apa ini *it's sole proprietor* lah. *Sole proprieter* ini *company* [syarikat] bukan apalah haa.

**NIA: Okey, dimanakah lokasinya?**

MHH: Lokasinya disini lah di Kampung Penambang.

**NIA: Kampung Penambang.**

MHH: Kampung Penambang, Kota Bharu, Kelantan.

**NIA: Okey, adakah perniagaan ini diteruskan bersama rakan niaga yang lain?**

MHH: Takde-takde. Anok-beranak [keluarga] jah. *Family, family* je.

**NIA: Apakah proses menenun dilakukan disini?**

MHH: Proses menenun- menenun kita untuk *show* jah disini. *The rest* [yang lain] buat tenun kat rumah.

**NIA: Okey, berapa orangkah pekerja untuk menolong meneruskan *business* ini?**

MHH: Dari segi jualan ini kita ada dua, tiga orang jelah. Tu pun *family* jelah  
Takde orang lain. Takde, bukan pekerja luar lah *family* kita ha.

**NIA: Adakah pekerja yang menolong encik ni mengurus *business* ini mempunyai kelulusan dalam bidang *business* ke?**

MHH: Takde. Dia asal daripada ini jugak lah hmm.

**NIA: Apakah kemahiran yang ada dalam pekerja encik?**

MHH: Apenih dari segi tenun?

**NIA: Haa (mengiyakan).**

MHH: Kalau tenun ini biasalah, kalau dia belajar daripada ibu dia *family-family*.  
Gitu lah. Macam saya sendiri pun apeni lepas pada takde kira macam keluar ITM itu saya tak pergi mana-mana. Paka [terus] duk [duduk] sini teruh [terus]. Macam adik saya pun terus *start* [mula apeni, apeni melalui pengalaman tu hmm.

**NIA: Adakah pekerja yang. Pekerja disini melakukan promosi songket**

MHH: Tu promosi takdalah, kalau ada kraftangan ke, kita pergilah. Haa, macam itu jelah hmm.

**NIA: Adakah gaji pekerja dibayar mengikut apa yang dia buat?**

MHH: Gaji pekerja apeni. Gaji itu ikut bulanan.

**NIA: Bulanan?**

MHH: Ha, bulanan (sambil mengangguk).

**NIA: Gaji untuk menenun pula?**

MHH: Hmm, menenun ini kalau kat umah dia kira *piece rate* [sehelai kain]

**NIA: *Piece rate*?**

MHH: Maknanya bayar ikut upah

**NIA: Upah?**

MHH: Haa, upahlah. Sehelai siap kita kira berapa kita bayar upah lah. Untuk sehelai kain. Seratuh ko [sehingga] duo ratuh [dua ratus] ko. Haa, gitu lah. Sehelai kain. Hmm, (sambil mengangguk).

**NIA: Adakah tuan menjual songket ini kepada pemborong songket yang lain?**

MHH: Kain songket takde. Kita buat, untuk jual sendiri.

**NIA: Jual sendiri?**

MHH: Haa, kalau yang kain tenun kita buat borong, kain tenun. Kain kosong macam ini kan. Simple. Memang adalah.

**NIA: Hmm.**

MHH: Songket takde.

**NIA: Takde, dia eksklusif kan?**

MHH: Haa, untuk ini jelah.

**NIA: Okey, adakah. Okey key [kan]. Perniagaan. Adakah perniagaan ini mempunyai cawangan yang lain?**

MHH: Setakat ini takdelah hmm (sambil mengangguk).

**NIA: Takde. Adakah anda-- adakah encik rasa nak buka cawangan yang lain?**

MHH: Setakat ini, takdelah pasal banyak orang datang cari sini.

**NIA: Sini?**

MHH: Ha, *mostly customer* [pelanggan] kita ini, *customer* yang dah *fit full*, *customer* [pelanggan tetap]. *Repeated customer* [pelanggan yang sama] hmm.

**NIA: *Customer* yang selalu--**

MHH: Haa, *repeat customer*.

**NIA: Adakah saat menghasilkan songket ini. Adakah untuk di eksport kan ke luar negara?**

MHH: Takde-takde. Takde, untuk *local* [tempatan] je.

**NIA: Adakah encik juga menjual di atas talian?**

MHH: Setakat ini takde hmm.

**NIA: Takde, *online* [atas talian]?**

MHH: Ha, takde *online* ha (sambil mengangguk).

**NIA: Okey, adakah perniagaan ini menguntungkan?**

MHH: Untung itu adalah, tapi takde sehebat dulu lah. Haa.

**NIA: Sekarang ini?**

MHH: Haa, makin menurun kan? Terpaksa terima je lah.

**NIA: Dulu macam mana?**

MHH: Dulu apeni dari segi *competition* [persaingan] tak banyak. *And then* apenih, *production* [pengeluaran] dari segi orang tenun ramai. Jadi pelancong-pelancong pun ramai datang dulu. Kan.

**NIA: Okey. Apakah cabaran dalam menguruskan songket ini?**

MHH: Cabaran tadi lah. Jap [sekejap] deh [ya] ada ore mari.

**NIA: Okey. Apakah cabaran dalam menguruskan songket ini.**

MHH: Cabaran sekarang ini apeni nak dapat pekerja tu susah dengan *costing* makin tinggi. Tapi dari segi harga itu orang masih hendak murah lagi. Haa, itu masalahnya hm.

**NIA: Okey, Pelanggan. Secara umumnya dalam kalangan pelanggan, dalam kalangan apa?**

MHH: Pelanggan kita banyak daripada orang biasa sampai peringkat *high end* lah

**NIA: *High end*.**

MHH: Ha (sambil mengangguk).

**NIA: Adakah pelanggan tersebut meneliti hasil kerja songket yang dihasilkan?**

MHH: Adakala, biasanya takde lah bila kita tunjuk songket kan macam ini, macam ni. Diorang faham sendiri haa, kita *explain* [terangkan] lah. Hmm.

**NIA: Adakah selalu ada pelanggan yang membuat tempahan khas?**

MHH: Haa, ada macam apeni pakaian pengantin dia nak khas. Adalah, memang adalah. Macam sampin *design* yang dipilih masa tu kita takde simpan stok kan? Dia nak *design* yang macam ni, kita buatlah.

**NIA: Adakah—**

MHH: Tapi makan masalah. Kalau dalam masa satu bulan tak dapatlah

**NIA: Adakah tem- tempahan tersebut lebih mahal ke?**

MHH: Harga dia *depend*. Kalau bunga baru harga dia boleh pergi *fifty percent* [50%] *different* [beza] daripada yang harga biasalah.

**NIA: Hmm, adakah pelanggan memberi tempoh masa untuk menyiapkan atau mereka mengikut tempoh masa?**

MHH: Biasanya kita bagi tempoh masa kitalah.

**NIA: Kita bagi tempoh. Okay, tempoh masa paling lama?**

MHH: Paling lama, boleh pergi sampai tiga bulan [3 bulan], empat bulan [4 bulan]. Gitu lah.

**NIA: Tiga bulan empat bulan?**

MHH: Ha, untuk satu. Nak pakai tu kena *advance* [lebih] lah.

**NIA: Kena cepat.**

MHH: kena awal sebelum nak pakai

(mencelah)

**NSD: Kita kena *booking* [tempah] lah?**

MHH: Haa, haa, *booking* hmm.

**NIA: Apakah maklumbalas daripada pelanggan yang sentiasa--**

MHH: Setakat ini takde masalah okeylah. Maknya dia orang takde *complain* [mengeluh] takde apelah. Hmm.

**NIA: Adakah pelanggan selalu bertanya cara-cara ataupun penjagaan songket tersebut?**

MHH: Tu biasanya tanya. Tanyalah saya bagi tahulah bagaimana cara-cara nak jaganya.

**NIA: Okey, cara dia macam mana?**

MHH: Dia cara dia kalau boleh jangan *dry cleaning lah* (sic. mesti *dry cleaning*).

**NIA: Jangan *dry cleaning*?**

MHH: *Dry Cleaning* dan boleh jangan lipat. Jangan lipat, sangkut. Macam baju semua, sangkut semua. Dan sampin itu kalau boleh kita panggil gulung. Gulung dengan kayu ke, ataupun kertas bulat tu simpan. Kalau boleh kena tempat yang apeni almari yang takde tak boleh masuk cahaya.

**NIA: Cahaya.**

MHH: Haa, kalau bolehla. Baru dia tahan dari segi, dari segi apeni warna benang mas dan benang apeni benang asas kain itu ha (sambil mengangguk).

**NIA: Okey melalui pendekatan apakah untuk pelanggan hmm menghubungi tuan?**

MHH: Hmm, macam kita ini dari segi ini kita dah biasa *customer* yang dah *Repeat customer, fit full customer and then* kadang-kadang tu dia mari sekali itu caro kito layan diorang tu kan *so*, dia *feel* [rasa] kita ini macam kita dilayan kan. *Next time* [selepas ini], dia datang balik. Mari Kelantan haa, mari sini ha, gitu jahlah. *very simple* [sangat senang].

**NIA: Okey, selalunya, pelanggan ini dijadikan songket untuk sebagai apa?**

MHH: Biasa sampin lah

**NIA: Sampin?**

MHH: Sampin

**NIA: Baju kurung ke?**

MHH: Baju kurung tak banyak. Sampin banyak. Sampinlah

**NIA: Adakah pelanggan dari luar negara berkunjung untuk membeli songket?**

MHH: Dia kalau luar negara, macam apeni *europian* [orang Eropah] beli kadang- kadang untuk buat macam *souvenir* [buah tangan]. Atau buat macam hiasan dinding.

**NIA: Ramai tak sebelum *covid* [covid-19]?**

MHH: Dulu banyak mat salleh hmm, hmm mat salleh kadang ini beli barang *value added product* [barang nilai tambahan] la macam beg tangan.

**NIA: Diperbuat daripada songket?**

MHH: Ha, benda yang kecil. Benda yang kecil-kecil gitukan.

**NIA: Hmm, hmm (mengiyakan).**

MHH: Dia suka la macam tahun ini takdelah tokleh masuk.

**NIA: Hmm, hmm yolo [betul]. Okey, kalau pelanggan ini dari negara manakah yang selalu berkunjung?**

MHH: Kalau yang ramai, daripada ni, dari Singapore ramai. Singapore *and then european country* [Negara Eropah] lah. *European country* banyaklah daripada *Germany* [Jerman], *France* [Perancis] dia mari *tour group* [kumpulan pelancong] lah. *Tour group*. Daripada UK [United Kingdom, England].

**NIA: Okey, adakah--**

MHH: Pastu, daripada *east* [timur] ini Jepun dia mari nga [dengan] *tour* laa.

**NIA: *Tour group*?**

MHH: Dia tak mari cara individu jarang.

**NIA: Adakah mereka teruja melihat hasil?**

MHH: Haa, mereka terujalah bila tengok caro [cara] tenun itu.

**NIA: Hmm, hmm. okey. Pada pendapat tuan apakah kelebihan songket dalam menarik pelanggan atau pelancong daripada luar negara berkunjung ke sini?**

MHH: Dia- diore, suka tengok pasal cara tenun ni kan *how the* [macam mana] songket *is make* [di buat] dia punya *piece by piece* [helai demi helai] sikit-sikit lama-lama jadi kain. Salah satu *itinerary* [jadual] lawatan merekalah. Makananya sudah ada *itinerary* dia, melawat Kelantan untuk songket.

**NIA: Okey. Apakah cabaran yang dihadapi. Dihadapi semasa melayan pelanggan daripada luar negara?**

MHH: Cabaran, bagi saya takde cabaran hmm, dia pelanggan ini kita tak boleh layan sangat.

**NIA: Hmm.**

MHH: Macam pelanggan luar ni kita tak boleh nak. *Don't* [jangan] jangan bagi apa nih. *Just* cakap sikit-sikit je *and then* kita *relate* sikit-sikit. Pastu, cerita, cerita, cerita *and then* jangan kita tekan dia beli.

**NIA: Haa.**

MHH: Ha, *don't force them to buy* [jangan paksa mereka beli]. *And then* dia  
Tengok ini dia minat dia belilah. Itu cara dialah. Hmm.

**NIA: Okey. Ni soalan untuk inisiatif kerajaan dalam memperkenalkan songket.  
Okey, bolehkah perusahaan songket nimembantu untuk meningkatkan  
ekonomi negara?**

MHH: Kalau dulu *yes* [ya]. Kalau sekarang ni saya rasa susah sikit lah dari segi  
apani, minat. Minat *mentality* [pemikiran] orang ni tak nak kerja  
kraftangan ni kurang dia bukan songket saja, bukan songket saja dari  
semua segilah. Batik boleh tahan sikit pasal dia cepat. Maknanya, harini  
buat dua hari tiga hari lagi boleh siap. Macam songket ini dia apeni  
dengan sendiri akan. Walaupun kerajaan insentif pagi buat dengan  
kraftangan apenih. Tapi, minat orang nak belajar dah takde.

**NIA: Takde?**

MHH: Maknanya satu hari akan jadi *dying* apenilah *dying*. Macam sebelah Siam  
itu lah. Belah [sebelah] Siam nuh [sana] apeni banyak dah macam *Thai  
Silk* [Sutera Thai]. Dah *down* [jatuh], kalau kita pergi Bangkok. Ada  
kedai dia di Hatyai banyak dulu *Thai Silk*. Sekarang ni takde. Pasal,  
mahal lah, mahal. Tu kalau kita pergi, ingat tahun apa, tahun lapan  
puluhan itu harga dia dua puluh ringgit [RM20], satu meter. Kalau  
sekarang tu di Hatyai itu satu meter tujuh lapan puluh [RM70, RM80].  
Kalau *high end* sikit seratus baht [100 baht]. Apani, seratus baht. Kalu  
empat meter dah empat apeni— apeni dah empat ratus. Hmm.

**NIA: Okey, kementerian manakah dapat membantu dalam membantu pengusaha songket?**

MHH: Dia sekarang ini kementerian pelancongan. Apeni Kelantan, apeni Kraftangan bawah pelancongan. Tak silap sayalah cuba *check* [periksa] baliklah, saya tak ingat. Hmm, bowoh [bawah] pelancongan.

**NIA: Okey, dalam songket ini agensi manakah yang membantu menyumbangkan modal kepada perusahaan songket ini?**

MHH: Setakat ini, macam kita ini, kita guna bank ini lah. Ade Hong Kong Bank sikit. Itu asal lagi la tu. Asal Hongkong Bank lah *and then*, kalau yang bagi semangat ini Kraftangan lah. Kraftangan. Apeni Kraftangan Perbadanan PKKM. (sic.PKM). Perbadanan Kraftangan Malaysia PKM ore panggil.

**NIA: PKM.**

MHH: Perbadanan Kraftangan Malaysia [PKM]. Haa, dia ni lah yang banyak-  
yang banyak *promote* [promosi] songket ini.

**NIA: Okey, apakah songket ni dibuat selain pakaian apa? Selain buat sampin?**

MHH: Songket sekarang ini kan banyak kita boleh buat *value added product*.  
Beg kecik-kecik itu kan.

**NIA: Hmm, hmm.**

MHH: Alas Meja, *book cover* [kulit buku] kan. Boleh lah

**NIA: Boleh encik ceritakan sedikit bagaimana jika songket tu menghasilkan hmm, mengalami kerosakan?**

MHH: Kerosakan songket?

**NIA: Hmm, hmm, (sambil mengangguk).**

MHH: Kalau rosak biasa kalau dia rosak ke kena susah sikit bila dah, kata lah  
bila basuhkan.

**NIA: Hmm, hmm (sambil mengangguk).**

MHH: *Iron* [seterika] itu kan.

**NIA: Haa.**

MHH: Dia terbakar itu tokleh buat apadah kan. Kalu basuh itu okey lagilah

**NIA: Okey lagi.**

MHH: Kalau boleh kena, apa ini bila berkedut tu boleh *iron* balik, guna gapo  
ini letak kain lain di atas.

**NIA: Hmm, lapik [alas]?**

MHH: Haa, lapik kain pelikat ke kain batik sarung ke lapik, gosok daripada atas.  
Dia betul baliklah.

**NIA: Maknanya sekiranya berlaku kerosakan boleh dibaiki lagi?**

MHH: Baiki apeni baiki tak boleh doh lah.

**NIA: Tak boleh?**

MHH: Koyak apa tak boleh.

**NIA: Berapakah anggaran kerugian yang-- oleh sehelai songket itu.**

MHH: Apeni, kalau, tengok *depend* lah kalau, kalau yang mahal itu. Berat lah kena.

**NIA: Abihlah [habislah]. Okey. Apakah ciri-ciri songket yang paling mahal?**

MHH: Ciri-ciri songket paling mahal. Adalah dia apeni dia banyak warna. Bungo dia banyak warna. Atah [pada] satu kain tu dia macam-macam warna. *And then*, cara tenun dia itu dia bunga besar-besar. Haa, bungo besar-besar jadi dia lambatlah dia keno masuk satu-satu kan. *So its take about* [di ambil kira-kira], kadang-kadang *two months* [dua bulan], dua bulan sehelai baru siap.

**NIA: Hmm (mengiyakan).**

MHH: Haa, ini lah harga tinggi. *So*, upoh [upah] tenun dia berapa doh hmm.

**NIA: Okey, untuk sepasang songket berapa warnakah satu sehelai songket itu**

MHH: Dia kalau yang simple tu satu *colour* [warna]. Yang hitam, hitam yang mas tu mas jahlah. *Simple*. Yang kalau yang *high end* itu dia banyak warna guna warna mas banyak warnalah, dia panggil benang mas.

**NIA: Hmm, hmm (sambil mengangguk).**

MHH: *Coloured gold thread* [benang berwarna emas] ore panggil. *Colour dia* jadi campur-campur. Dio jadi lambat. Haa, nilai jadi tinggi hmm.

**NIA: Okey. Apakah cadangan encik dalam bidang songket ni lebih dikenali untuk generasi muda?**

MHH: Setakat ini, cerita jelah maknanya ni nak kata, pasal apa nih *end of the day* [akhir sekali] dia makin apa nih, *dying* kan.

**NIA: Haa, (sambil mengangguk).**

MHH: Kita pun dah takde dah besok kan? Jadi maknanya se- sejarah jahlah. Maknanya cara buat songket ini macam Langgar [Kota Bharu] punya Songket.

**NIA: Hmm hmm hilei [hilang].**

MHH: Takdelah. Haa, macam tulah. *One day* [satu hari] kita, kita generasi takde, anak kita takde, *So* takde, takde semua. Hilang, hilang macam tu. *So*, terpaksa kena daripada situ kita apeni *outsource*.

**NIA: Hmm, hmm (sambil mengangguk).**

MHH: *Outsource* daripada lain kan. Jadi kita sendiri *family* takde. Jadi anak-anak semua takdelah hmm, “macam Haji Idris. Dah takde dah dia punya, orang kerja takde dah. Che Bidah pun takde dah”. Semua dia *outsource* semua barang.

**NIA: Kat sini pun?**

MHH: Kita pun, apeni *seventy percent outsource* [tujuh puluh %]. Terpaksalah.

**NIA: Apakah harapan encik berkaitan songket ini terhadap anak muda?**

MHH: Harapan, kalau boleh yelah kerajaan dah buat ape ini, ape ni kempen mengajar tapi *end of the day* orang muda tak nak terima juga. Dengan, sendiri ia takkan itu lah. Haa, maknanya kita takkan sikit-sikit akan takde Terengganu pun jadi macam itu juga. Hmm.

### 5.3 Bahagian III

**NSD: Adakah encik pernah mendapat *sponsor* [penaja] atau modal daripada pihak kerajaan untuk---**

MHH: Takde. Semua sendiri belaka [semua].

**NSD: Berapa modal yang encik perlukan?**

MHH: Tok ingat. Lamo doh *start* mok dulu tamboh tamboh tamboh [tambah tambah tambah] gitu je lah.

**NSD: Anggaran?**

MHH: Anggaran kalu nak kiro dulu ini dalam kalau nak kira sekarang dalam lima ratus ribu ada lah [RM 500, 000].

**NSD: Adakah modal- adakah encik pernah menggunakan modal encik sendiri dalam perniagaan?**

MHH: Haa, sekarang memang menggunakan modal sendiri. Ada campur dengan bank punya *wardraft* [*sic withdraw*] [pengeluaran] gitu je lah. Tok ambik *loan* [pinjaman] lah. Paka [guna] *withdraw* jah.

**NSD: Modal tu [itu] daripada *rolling* produk lah?**

MHH: Haa, daripada *rolling* [bergolek] produk lah. Pusing pusing pusing.

**NSD: Bolehkah Che Minah songket ini hasilkan cenderamata yang berkaitan dengan songket?**

MHH: Boleh. Macam kadang-kadang orang tempah buat-- orang panggil ini *value at the product* [nilai pada produk]. Macam *purse* [beg tangan] kecil-kecil itu. Kita boleh buat la.

**NSD: Berapa anggaran untuk satu produk itu?**

MHH: Tengoklah kalau kita gunakan songket yang murah, tujuh ringgit lapan ringgit [RM 7, 8] gitu je lah (sambil menunjuk ke arah *purse* yang telah dihasilkan).

**NSD: (Melihat ke arah yang ditunjuk)**

**NIA: (Melihat ke arah yang ditunjuk)**

MHH: Lima ringgit satu [RM 5]

**NSD: Adakah menggunakan proses tenunan juga seperti songket biasa?**

MHH: Takde. Hoktu jenis songket hok muroh.

**NSD: Banyak tak sambutan cenderahati berbanding songket biasa?**

MHH: Bolehlah, okay lah (sambil menggangguk). Adalah selalu orang tempah.

**NSD: Tuan katakan tadi, anak-anak tuan tidak berminat untuk menjalankan perniagaan. Jadi lepas ini ke mana hala tuju Che Minah Songket?**

MHH: Itu ada-- macam saya kata dalam masa dulu puluh tahun lagi mungkin kita ubah strategi la. Maknanya mungkin ada anak sedara [saudara] sorang itu dia masih ada lagi sekali. Dia punya-- tak banyak *outsources* lah. Kita pun tak berminat lah lagi.

**NSD: Payoh dok nok bulih ko [dapatkan] minat itu balik? Macei [macam] dulu kei [kan] lamo doh wak [buat] goni [benda ini] pastu nok bulih ko ado [ada] *mood* [perasaan] balik ore kato itu?**

MHH: *Mood* itu memei [memang] ado tapi pasal takde orang kerja. Buat macam mana pun orang taknak kerja.

**NSD: Encik katakan tadi tujuh puluh *percent* [peratus] [70%] bare [barang] itu *outsources* kan, takdok *backup* [sandaran] ko [ke] macam nok dapatkan bendo [benda] itu ko?**

MHH: Takdok. Memei takde. Memang tak boleh doh sekarang ni. *Even* Terengganu pun tokleh. Dia tak boleh itu-- dah. Dia *going down slowly*. Kalau dengan kraftangan lah.

(mencelah)

**NIA: Okey, daripada sapo dapat *outsource* itu?**

**NSD: Untuk dapatkan *sources* tiu India ko mano ko tuan gi sendiri ko?**

MHH: Dok, dio ado ore dio mari. Pasal dio masih lagi dari segi- label dio masih macam kito sini, tahun tujuh puluhan [tahun 70-an] lagi. Barang ni dia punya *standard level* [tahap standard] dia, ngupoh [upah] itu lebih maso kito tahun enam puluhan [tahun 60-an] *early seventy* [awal tujuh puluhan] tu *level* setaro [sama] itu lagi dio itu. Kito tahun tujuh puluh [tahun 70] itu, dio tahun duo ribu [tahun 2000] ini *level* itu lagi dio. Macei gini la kalu kito gi di Cambodia, kalu kito gi kampong itu kei supo tahun enam puluhan [tahun 60-an] di Malaysia ni.

**NSD: Encik kato tadi gapo doh ore dio hok mari dok kalu dari India contohnya, sendiri ko atau ado ore perantaraan?**

MHH: Takde, kito gi sendiri jah. Tapi hok muroh-muroh lah. Hok mahal kito tok ambik.

(mencelah)

**NIA: Hmm--, India?**

**NSD: Sepanjang tuan berkecimpung dalam bidang ini ado dok ore *try* [cuba] palagiat corak motif hok tuan hasilkan?**

MHH: Palagiat? Tok pade [berbaloi] nok palagiat. Pasal ini bendo itu hok biaso. Sapo-sapo [siapa-siapa] pun boleh buat.

**NSD: Untuk menghasilkan sehelai songket itu berapa [berapa] lapisan benang hok guno?**

MHH: Hok mano?

**NSD: Untuk songket hok bungo besar ko [atau] gapo—**

MHH: Dio serupo jah tapi tenun itu.

**NSD: Agok-agok [agak-agak] berapa ketebalan benang untuk buat songket itu?**

MHH: Biasonyo, dio kiro gano doh? Tok ingat doh sayo. Sehelai kain itu dio ado gotu- ukuran dio. Tok ingat doh sayo.

**NSD: Atah [atas] kain itu dio ado gapo doh ore panggil milimeter mm benang itu ko?**

MHH: Tok ingat doh sayo. Tok caro [peduli] lagu mano [sangat] etek [sebabnya].

**NSD: Skalo [biasa] benang itu sekali beli la?**

MHH: Haa, sekali beli lah.

**NSD: Sekali beli itu [itu] berapa gulung?**

MHH: Dio macei sutera itu sekali beli dale paling banyok pun dalam seratus kilo gitu la.

**NSD: Dale seratus kilo itu boleh buat berapa songket?**

MHH: Gapo dio [apa dia]? Seratus kilo itu dua ratus lima puluh [250] gram. Kalu sekilo boleh empat helai.

**NSD: Ore kato benang itu tokde [tidak sempat] mutuh [terputus] lah?**

MHH: Haa, tokde mutuh lah.

**NSD: *Even* musim covid ini pun tokde mutuh jugok?**

MHH: Musim covid ini *slow* [perlahan] sikit lah.

**NSD: Encik katakan tadi mesin itu ada hok buat sendiri kan ataupun *loom* ore panggil dok [kan]? Berapa lamo nokbuat *loom* itu?**

MHH: Haa, tok lamo. Meta [sekejap] jah. Kayu kan. Semeta jah. Supo *one piece* [satu helai] kan (sambil menggayakan tangan).

**NSD: Memei bahan asal dio kayu lah?**

MHH: Haa, kayu jah.

**NSD: Encik kato namo ini dikenali dengan Pantas Batik. Daripada mano dapat namo itu sebenarnya?**

MHH: Oh, kito dapat gitu je lah.

**NSD: Oh, dapat gitu je lah.**

MHH: Haa, biaso jah. Untuk wak [buat] daftar jah lah. Tapi ore lebih dikenali sebagai Che Minah la.

**NSD: Perusahaan songket ini encik kato daripada anak-beranak [anak-beranak] dok? Anak beranak itu termasuk keluarga besar ko?**

MHH: Oh, takdok. Anak-beranak kito jah lah.

**NSD: Anak beranak jah la.**

MHH: Hmm, anak-beranak Che Minah jah la.

**NSD: Dari mana pelancong itu boleh kenal Che Minah?**

MHH: Dio biasonyo pelancong dari luar negara ini banyak daripada *tour company* [syarikat pelancongan] la. Daripada KL [Kuala Lumpur] ini dio turun melawat Malaysia ini, dio singgoh [singgah] sini. Salah satu *intenery* dio lah. Pahtu, kalu *local tourist* [pelancong tempatan] ini *time*

[masa] cuti sekolah jah la. Dio mari kan. Dio memang ore tahu caro [cara] tenun songket-songket, dio. Gitu. Dio panggil *mouth to mouth* lah.

**NSD: Sekalo dale [dalam] setahun, skalo mari itu berapa [berapa] ore?**

MHH: Kito tok wak statistik. Tapi dio rama [ramai] maso ini lah. Cuti sekolah. Cuti panje [panjang].

**NSD: Sekalo hok mari-mari itu atah [atas] company [syarikat] ko dio mari sendiri ko?**

MHH: Dok. Dok. Dio mari sendiri. Mari nga [dengan] *family* ko. Rombongan ko mari nga bas ko.

**NSD: Tapi sayo ado tengok dari gapo [apa] astro awani gapo kei, Che Minah Songket ini pernah masuk tv [televisyen] masuk *news* [berita] rano [macam mana] ore boleh cam encik Mohamed sebagai pengusaha songket?**

MHH: Pasal ini, pasal kraf tangan kei. Ado dio pergi kat [dekat] pelancongan Kelantan kan nok mari ambik bahan songket. Jadi dio mari sini. Haa, gitu je la.

**NSD: Kade-kade [kadang-kadang] sayo tengok macei ado ore putih jugok mari sini kei.**

MHH: Ado ado. Daripada pelancongan la. Pelancongan Kelate [Kelantan], *tourism* Malaysia.

**NSD: Tapi kalu dio nok belajar, kito boleh ejah [usahakan] dok?**

MHH: Haa boleh. Tapi jare ore belajar.

**NSD: Sekalo ore mari tengok jah la?**

MHH: Haa, ore mari tengok jah la.

**NSD: Musim covid loni [sekarang ini] kan, pendapatan encik Mohamed sendiri gano [macam mana]?**

MHH: Jatuh. Dio tahun ini *seventy percent* [70%] takdok hasil. Dio lebih kure [kurang] tujuh puluh peratus [70%]. *Sales* [jualan] daripada lepas-lepas dale [dalam] *thirty percent* [30%] jah tahun ini. Daripada biasa.

**NSD: Macei dengan rugi juga lah.**

MHH: Haa, rugi juga lah. Sedang molek [elok] untuk ini jah. Untuk tanggung kos gitu jah tahun ni.

**NSD: Tapi macei kalu ore nok boleh lagi kei?**

MHH: Haa, boleh.

**NSD: Pahtu, songket ini dio *up to date* [terkini] ko dok supo *pattern-pattern* lain?**

MHH: Dio atas ore tempah lah. Kalu ore tempah bungo dio sendiri kito boleh buat.

**NSD: Tapi kalu macei dengan songket itu kito buat doh kei, pahtu ore itu *request* [permintaan] nok *pattern* lain, *so pattern* hok sedia ada itu rano? Terus kan jual ko lupus?**

MHH: Takpo boleh jual. Boleh jual. Tapi kalu *special* [istimewa] tokleh jual la. Macei kalu pakaian dato' itu tokleh jual lah. Macei logo universiti itu tokleh jual lah. Memei khas untuk wak ini lah.

(mencelah)

**NIA: Oh, berapa lamo songket ini boleh tehei [tahan]?**

MHH: Dio kalu- jarei [jarang] beso [biasa] pakai kei. Kalu jago [jaga] empat lima puluh tahun [40, 50 tahun] tehei.

**NIA: Keno [mesti] pandai jaga la.**

MHH: Haa.

**NSD: Tuan katakan tadi, kalu kito lipak [lipat] songket itu dia terjejas la kei. Kalu kito buat juga gano [macam mana] itu?**

MHH: Lama-lama dio jadi tepi tempat lipat itu makan diri la.

**NSD: Makan diri—**

MHH: Makan diri dio jadi mudo [pudar] tempat lipat itu. Bene [benang] emas itu dio jadi pahu [rapuh] tempat lipat itu. Kalu gulung dio takdok lipat. Serupo jah dio punya fesyen itu.

**NSD: Kalu cahayo [cahaya] itu menyebabkan bene [benang] pudar ko?**

MHH: Haa, lamo-lamo dio jadi pudar. Kalu kito tok caro [peduli]. Kalu masuk cahaya.

**NSD: Zame [zaman] lani [sekarang] kei ore kato banyak macei peniruan lah. Pahtu rano nok cam antara songket tiruan dengan *original* [asli] punya?**

MHH: Dio sebenar takdok tiruan. Tenun dengan mesin, tenun tange. Itu jah. Buke [bukan] tiruan. Tenun dengan mesin ini dia mempermudah tenunan songket ini. itu sajalah. Tapi tetap songket juga. Tapi songket itu tenunan songket la. Takdok tiruan. Kalu tiruan itu macei kito katodio

*print* [cetak] ko. Itu baru tiruan. Ini dio tenun (sambil membuat gaya tenun) takdok tiruan lah. Supo jah proses dio.

(mencelah)

**NIA: Adakah, gapo kualiti dio berbeza dua erm, mesin dengan tenun tangan.**

MHH: Haa, ado beza lah. Mesin ini dio mudah.

**NIA: Ooo.**

MHH: Dio mudoh wak lepas itu dio nok cepat. Dio nok cepat gak [kan] itu dio wak caro mudah jadi kualiti jadi turun la. Pahtu produk sini banyok.

**NIA: Hmm, kualiti—**

MHH: Haa, nok wak sehelai tokleh jadi mahal la sehelai.

(mencelah)

**NSD: Harga untuk songket mesin biasanya berapa?**

MHH: Beza banyok. Kalu songket hok mesin ini tok sapa [sampai] seratus pun ado. Dua tiga puluh riya [ringgit] [RM20, 30] pun ado. Kalu hok tenun tange ini paling muroh lima ratus [RM 500].

**NSD: Antara songket mesin dengan tenun ini hok mano ore mitok [minta] ramai?**

MHH: Rama [ramai] ore mitok hok muroh la.

**NSD: Oh, rama hok mesin la?**

MHH: Haa, mugo [sebab] nok pakai semeta-semeta [sekejap-sekejap] jah.

**NSD: Tapi kalu macei contoh la kito ini beli songket tenunan, pahtu kalu kito nok jual balik kokre [kepada orang] balik ado nilai ko?**

MHH: Terpulang. Kalu mereka itu nok beli. Tapi jare lah ore beli pahtu jual balik. Takdok.

(mencelah)

**NIA: Berapakah harga songket gapo? Bilo kito nok jual itu adakah harga songket itu jatuh, turun ataupun *still* kito jual dengan hargo—**

MHH: Biasa jadi *second hand* dah dio muroh. Adat dio.

**NIA: Oh.**

**NSD: Banyak ko tikah [beza] dengan hok asal?**

MHH: Tidak banyak. Tokleh nok kato mugo kito tidak rajin buat.

**NSD: Apa ore kato mace dengan songket itu kito beso tengok warno putih lah *and* rama ko ore ambik songket warno putih berbanding hok warno-warni itu?**

MHH: Putih dio biasa untuk nikoh [nikah] jah. Tapi untuk sanding ini tak perlu pakai putih. Boleh pakai belako.

**NSD: Songket putih itu adakah lebih mahal?**

MHH: Serupo jah.

**NSD: Dok. Sebab putih itu napok lebih eksklusif sikit. Itu tanyo itu.**

MHH: Serupo jah. Bene putih. Dio buke kato tok semesti pakai bene putih. Warno lain pun takpo. Tapi biasa ore pakai putih kalu [kalau] untuk akad nikoh. Itu jah.

**NSD: Nok dapatkan bene putih itu samo jah dengan *supplier*?**

MHH: Supo jah. Bene itu juga. Bene serupo. Cuma tok celup. Takdok warno. Putih jah la.

**NSD: Kalu nok celup bene itu dengan tunggu dio kering dulu ko rano?**

MHH: Haa, tunggu dio kering dulu. Tapi biaso lani takdok doh. Kito beli hok siap doh. Dio celup doh lani lah. Seney.

**NSD: Hargo dio bezo ko dengan beli hok siap doh atau kito celup sendiri?**

MHH: Celup sendiri rumit lah. Malas.

(mencelah)

**NIA: Kalu celup sediri berapa—nok-, berapa hari?**

MHH: Kalu celup sendiri itu sutera celup lagi. Benei biaso ini tok celup doh.  
Mari hok kaler [warna] doh.

**NIA: Hmm.**

MHH: Mudoh. Hmm.

**NIA: Kalu benei sutera itu berapa hari nok suruh dio macei siap proses itu belako?**

MHH: Itu kalu celup semo dalei dua tiga hari jugok la nok boleh kering semo sekali.

**NIA: Sekali dengan proses semo?**

MHH: Pastu sekali dengan *spinning* balik

**NIA: *Spinning***

(mencelah)

**NSD: Sayo ado baco dale internet la ore kato, ado tujuh *steps* kei untuk nok hasilkan songket ini *and then* antara tujuh *steps* itu, hok mano ore kato macei-- gapo eh, nok oyak buke [bukan] rumit, ore kato antara tujuh *steps* itu hok mano hok lebih ini- hok lebih mudoh *and* ambik maso singkat nok boleh ko buat itu?**

MHH: Hok paling itu lah- hok nok gulung itu lah. Semeta *and* hoktu hok mudoh sekali.

(mencelah)

**NIA: Time nok spinning itu?**

MHH: *Spinning* mudoh jah dio benei-benei sorat-sorat [sehelai-sehelai] semeta jah.

**NIA: Itu untuk gapo sebenarnya?**

MHH: Hok mano?

**NIA: Untuk *spinning* itu?**

MHH: *Spinning* itu untuk tarik benei balik untuk wak dio punya *wap*.

**NIA: Oh.**

MHH: Hmm.

(mencelah)

**NSD: Sehelai songket itu berapa ore hok buat?**

MHH: Dio hok buat bungo ini suku. Hok tenun ini suku. Ore tenun suku.  
Masing-masing. Buat bungo semo itu ore lain pulok.

**NSD: Pahtu nanti *combine* [gabung] sahaja] lah?**

MHH: Haa, pahtu siap semo bendo itu set siap, kito gi atar [hantar] ko ore tenun.  
Dio tenun di rumah la.

**NSD:** Kironyo sini ini *just* untuk—

MHH: Haa, kito buat gotu [benda itu] dio jah la. *Setting* dio la.

**NSD:** Che Minah ini lamo doh kei ore kenal. Kalu macei dengan ore-ore tok [tidak] kenal ini, rano hok dio boleh nok tahu mano eh, songket hok comei, hok *famous* ini?

MHH: Kito nok kato pun tok keno. Pasal demo] *by mouth to mouth* kei. Nok songket, mari Penambang. Gitu jah lah.

**NSD:** Rajin dok *contact* [kenalan] Encik Mohamed tanyo pasal songket ini melalui *facebook* [muka buku] ko?

MHH: Ado ado. Kito ado *facebook* tapi tok aktif sangat lah.

**NSD:** Tapi *platform facebook* itu apo ore kato, kalu ore balas *dm* gapo boleh la situ?

MHH: Haa, boleh. Adik itu (sambil menunjuk ke arah seseorang), dio ado boleh balas.

**NSD: Tadi Encik Mohamed kato anak-anak semo nikoh doh, setakat ini berapa ore cucu?**

MHH: Sembilan lah.

**NSD: Sembilan orang? Hok paling tuo?**

MHH: Hok paling tuo SPM tahun ini.

**NSD: Dio pun tok minat jugok songket?**

MHH: Takde. Tok duduk sini pun. Duduk Raub belako.

**NSD: Oh, ado adik-beradik hok lain macei dengan adik-beradik Encik Mohamed pahtu hok cucu-cucu dio itu takdok jugok hok minat?**

MHH: Ado sore jah lah. Hok sakni [tadi] (sambil menunjuk ke arah seorang lelaki). Dio balik duduk sini.

**NSD: Hoktu dio umur berapa?**

MHH: Nok masuk empat puluh [40 tahun] doh. Masuk empat puluh [40 tahun] lebih doh. Empat puluh [40 tahun] berapa doh. Empat puluh [40 tahun] lebih doh dah.

**NSD: Dio ado kelulusan jugok ko?**

MHH: Haa, ado. Dio-- gotu [ada itu] dio- ngaji denuh [di sana] dulu itu. Dio-, ngaji US [United States, Amerika Syarikat] dulu itu.

**NSD: Dale bahagian gapo?**

MHH: Dio ambik gapo tok ingat doh. Pahtu, kijo dengan Maybank semeta.  
Pahtu, balik duduk sini.

**NSD: Sayo pun ado baco [baca] jugok dalam internet ado adik Encik Mohamed itu hok [yang] songket jugok.**

MHH: Kamil. Che Kamil.

**NSD: Haa.**

MHH: Kamil. Kiro hok dio la ini. (Sambil menunjuk tempat ini).

**NSD: Hok dio lah ini? Kiro dio la hok *join event* gapo-gapo semo?**

MHH: Haa, dio banyak *join event*. Atas namo dio pahtu sayo pergi dengan dio.  
Kuala Lumpur nuh.

**NSD: Tapi macei dengan ado untuk *under* Che Minah ko *under* dio?**

MHH: *Under* dio lah. Daftar bawoh dio lah.

**NSD: Oh, (sambil mengganggu). Che Minah bertapak ini, Che Minah *start* perniagaan ini maso Che Minah itu nikoh doh ko dok lagi?**

MHH: Aaa, nikoh doh. Ado anak belako doh lah. Tahun lima puluhan [tahun 50-an] dia *start*. *Start* nego [berniaga].

**NSD: Encik tahu gano dio boleh *start*?**

MHH: Dio wak *start* kecil-kecil [kecil-kecil] gitu lah. Asal dulu kei ore tempah lepas dio jual di rumah pado zame ritu [dahulu] kei.

**NSD: Mok dio memei asal songket la?**

MHH: Haa, dio asal situ la. Mok dio memei panda songket.

**NSD: Che Minah ado berapa ore adik-beradik?**

MHH: Dio ado enam.

**NSD: Che Minah anak ke?**

MHH: Dia anak ke tok ingat sayo anak ke berapa.

**NSD: Tapi adik beradik dio hok lain takdok la terlibat dalam songket?**

MHH: Ado. Tapi sekat [setakat] dio jah.

(mencelah)

**NIA: Gano penerima- penerimaan apa-- anak-anak encik ini dari segi bidang songket ini?**

MHH: Anok-anok, takdok minat. Takdok itu langsung. Kijo masing-masing.

**NIA: Kijo masing-masing?**

(mencelah)

**NSD: Kironyo dio takdok halangan la encik nok—**

MHH: Haa, takdok.

**NSD: Hajah Kalsom itu—**

MHH: Itu kakok [kakak]. Dio duduk sekali la. Haa, sekali lah. Duduk sekali. Wak sekali.

**NSD: Dio pandai jugok ko dale bide [bidang] tenunan songket ini?**

MHH: Haa, dio. Dio pandai semua lah.

**NSD: Hajah Kelsom itu anak nombor?**

MHH: Anak nombor sembilan.

**NSD: Oh, kironyo Hajah Kelsom itu boleh wak belako la kironyo dari awal sapa akhir?**

MHH: Haa, *start* dari awal sapa akhir dio bulih wak.

**NSD: Kironyo Che Minah sendiri hok ajar?**

MHH: Dio sendiri. Dio daripada kecik lagi pandai.

(mencelah)

**NIA: Okey, boleh cerita kan sikit pengalaman pahit manis encik semasa menjalankan perniagaan ni?**

MHH: Nok gapo dio? Tok tahu manis rasonyo tidok la. Daripada dulu maknanya tok. Dari segi jualan itu kito takdok masalah doh. Maso ini la, maso covid ini la hok paling maknanya—kito boleh] rasa lah. Maknanya daripada *sale* itu. Kita kata seratus peratus [100%] itu dok. Turun sapa tinggal thirty percent [35%] jah *sale* setahun. Hok ini lah paling perit itu jah lah.

**NIA: Hmm.**

MHH: Hok lain itu sebelum pado itu takdok lah.

(mencelah)

**NSD: Anggaran kerugian dio berapa?**

MHH: Sedang molek untuk ini je lah. Untuk *maintain* [stabil] sahaja la. Pasal kito [kita] takdok sewo, takdok gapo kei. Kalu sewo itu parok [rugi] lah.

**NSD: Encik Mohamed kato loni takdok] doh nok kijo kan, kalu lah ado ore minta kijo ko gapo encik terima ko dok dengan musim-musim ini dengan ore kato pendapatan jatuh ini.**

MHH: Takdok. Kalu ado ore tenun, ore mudo takdok pandai loni hoktu masalo hnyo. Kraftangan sendiri pun masalo h loni. Nok ore. Kraftangan

itu ado elaun itu dio wi [bagi] empat ratus [RM 400] sebulan untuk dua tahun kos. Tapi—

(mencelah)

**NIA: Takdok?**

MHH: Takdok, takdok mitok. Kurei [kurang].

**NSD: Selain songket, Kementerian Pelancongan ini dio *handle* [uruskan]—**

MHH: Pelancongan la.

**NSD: *And* songket ini contoh la kalu ado ore mari daripada luar gapo, dio tolong *promote* [promosi] jugok ko? Ko *just* kito jah [sahaja]?**

MHH: Dio melalui kraftangan lah.

(mencelah)

**NIA: Contoh dio promote dari segi apa?**

MHH: Dio- kraftangan itu bawah dio la. Maknanya ini kementerian kraftangan nih bawah kementerian pelancongan.

(mencelah)

**NSD: Untuk anjuran hok encik pernah gi berapa ore kato macei dapat *income* [pendapatan] lah dengan anjuran itu?**

MHH: Macam mana maksud dio itu?

**NSD: Macei dengan kalau dengan biaso gini mungkin contoh sepuluh ribu [10,000] dapat kalu anjuran itu mungkin dapat—**

MHH: Dio dapat lebih sikit lah. Pasal kito pergi jual ore pergi cari. Kebetulan dio mari pasal dio tahu kito ado sano.

**NSD: Dio *up* ko songket hok kito jual sini dengan sano?**

MHH: Dio lebih kure jah. Sebab tempat hok sewo pun muroh jah.

**NSD: Kalu nok pergi tempat anjuran itu ambik belako ko songket wak pergi?**

MHH: Ado. Kito wak pergi hok mano kito nok wak pergi je lah.

**NSD: Oh, kironyo hok ore tepoh itu—**

MHH: Dok la. Hok ore-ore tepoh itu. Kito wak pergi hok mano nok jual jah.

**NSD: Oh, untuk jual sahaja lah. Sekalo dio berapa hari?**

MHH: Sekalo dua minggu jah la. Empat belas hari.

**NSD: Dale empat belas hari itu ado dok takdok ore beli langsung?**

MHH: Takdok. Biaso laku. ore *time* itu. Ore tahu kes hebah dalam tv apo semo kan.

**NSD: Sekalo ore daripada mana beli?**

MHH: Sekalo KL la maso itu. Pahtu ado ore pergi melancong ko. Kebetulan kan hari tu.

**NSD: Kalu hari pelancongan ini Encik Mohamed kato songket jah kei. Berapo peserta sekalo?**

MHH: Eh, rama. Dale dua tiga puluh [2,3 puluh] ore jugok. Dari Terengganu.

**NSD: Oh, semo Malaysia lah?**

MHH: Haa, seluruh Malaysia lah. Sarawak semo ado belako. Songket Sarawak pun ado jugok. Tapi tok banyok lah.

**NSD: Antara songket Sarawak dengan Kelantan ini, rano caro perbezaan?**

MHH: Dio ado bezo. Payoh lah. Pasal dio teknik, payoh lah.

**NSD: Corok dengan motif pun lain?**

MHH: Haa, lain lah.

**NSD: Kironyo ore boleh cam la ini corok Kelantan dengan Sarawak?**

MHH: Haa, boleh la.

**NSD: Che Minah ini pernah ado buku ko atau pernah masuk gapo *book of records* [buku rekod]?**

MHH: Oh, takdok

**NSD: Tapi ini lah, dio dikenali dengan mulut ke mulut gini jah lah?**

MHH: Haa, dengan mulut ke mulut jah la.

**NSD: Tapi sayo ado napok jugok Che Minah ini dapat anugerah daripada KPDNKK [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan] harga patut.**

MHH: Haa, ada-ada. Hoktu dio mari *check* [semak] tengok.

**NSD: Kironyo ore kato takdok mahal sangat. Takdok muroh sangat lah?**

MHH: Takdok lah. Hargo biaso lah. Dio kiro KPDNKK ini dio kiro hargo kito jujur lah. Hok laguni macam ini mahal. Hokni muroh. Dio nok gitu. Manakala hok muroh, muroh. Hok mahal, mahal. Dio tokse nyo hargo muroh, kito pergi jual *over*. Tokleh lah. Macei nipu lah.

(mencelah)

**NIA: Kualiti dengan] hargo itu samo.**

(mencelah)

**NSD: Kito keno oyak juga ko sebab itu?**

MHH: Haa, keno oyak lah. Dio nok tahu lah.

**NSD: Okey, rasonyo sudah doh untuk sesi temu bual pado hari ini. Terima kasih sebab meluangkan maso dua jam jugok ini. Encik Mohamed ini kito ado buah tangan lah untuk Encik Mohamed dengan Che Minah. Sekejap deh [ya] kito ambik gambar.**

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang tenunan songket bersama Encik Mohamed bin Haji Che Hussein. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang tenunan songket para penyelidik pada masa akan datang.

Sekian terima kasih.

## **6.0 RINGKASAN**

Kajian penyelidikan berkaitan dengan songket ini bukan pertama kali telah dikaji. Namun walaubagaimanapun, penyelidikan songket pada kali ini adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang cara penghasilan songket dari mula hinggalah ke proses yang terakhir sebelum berjaya menjadi sehelai kain songket.

Di samping itu, tujuan penyelidikan tentang songket pada kali ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan tentang songket kepada umum berkenaan dengan peralatan yang digunakan serta cabaran untuk menghasilkan kain songket dengan lebih mendalam.

Akhir sekali, penyelidikan ini telah memberi banyak informasi serta pengetahuan yang baharu kepada masyarakat dalam memperlihatkan songket sebagai salah satu daripada warisan yang ada di negara Malaysia terutamanya untuk penduduk di negeri Kelantan untuk lebih mengenali tentang warisan turun-temurun yang berasal dari negerinya sendiri.

## 7.0 LOG TEMUBUAL

| Masa                 | Perkara                                                                        | Catatan                                                                                                                                                                                                                 | Nama                                                               |
|----------------------|--------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|
|                      | Ucapan pembukaan sesi temubual kajian sejarah lisan.                           |                                                                                                                                                                                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>NIA</li> </ul>              |
| 00:00<br>09:00       | Biodata dan latar belakang keluarga tokoh dan latar belakang pendidikan tokoh. | <ul style="list-style-type: none"> <li>Nama samaran</li> <li>Ahli keluarga (ibu bapa)</li> <li>Latar belakang (adik-beradik)</li> <li>Latar belakang (keluarga sekarang)</li> <li>Latar belakang pendidikan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>NSD</li> <li>MHH</li> </ul> |
| 09:01<br>17:03       | Bidang yang diceburi peringkat awal.                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengalaman kerja</li> <li>Sebab terlibat dengan songket.</li> <li>Sokongan masyarakat.</li> </ul>                                                                                | <ul style="list-style-type: none"> <li>NSD</li> <li>MHH</li> </ul> |
| 17:04<br>21:13       | Anjuran terbesar dalam penglibatan.                                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Perasaan</li> <li>Pengalaman yang tidak boleh dilupakan.</li> </ul>                                                                                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>NSD</li> <li>MHH</li> </ul> |
| 21:15<br>45:50       | Perkembangan songket di Malaysia.                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sejarah songket</li> <li>Jenis songket</li> <li>Cara penghasilan</li> <li>Peralatan</li> <li>Corak dan motif</li> <li>Kejayaan manis</li> <li>Kelebihan songket.</li> </ul>      | <ul style="list-style-type: none"> <li>NSD</li> <li>MHH</li> </ul> |
| 45:54<br>1:05:50     | Proses menenun songket                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>Proses penghasilan songket.</li> <li>Fabric yang digunakan.</li> <li>Harga.</li> <li>Penggunaan mesin.</li> <li>Cabaran.</li> </ul>                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>NIA</li> <li>MHH</li> </ul> |
| 1:05:57<br>11:11:30  | organisasi                                                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Nama perniagaan</li> <li>Lokasi</li> <li>Platform yang digunakan untuk berniaga.</li> </ul>                                                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>NIA</li> <li>MHH</li> </ul> |
| 11:11:35<br>11:18:10 | pelanggan                                                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Maklum balas dari pelanggan.</li> </ul>                                                                                                                                          |                                                                    |

|                    |                                                    |                                                                                                                                                                            |                                                                        |
|--------------------|----------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
|                    |                                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan dari luar negara</li> <li>• Kelebihan songket dalam menarik pelanggan.</li> <li>• Cabaran melayan pelanggan.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• NIA</li> <li>• MHH</li> </ul> |
| 1:18:15<br>1:58:00 | Inisiatif kerajaan dalam memperkenalkan songket.   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian yang membantu perusahaan songket.</li> <li>• Cadangan</li> <li>• Harapan.</li> </ul>                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• NIA</li> <li>• MHH</li> </ul> |
| 1:58:01<br>2:00:00 | Ucapan penutup sesi temubual kajian sejarah lisan. |                                                                                                                                                                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• NSD</li> </ul>                |

## **8.0 KESIMPULAN**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui perkara yang lebih mendalam tentang Songket daripada sumber primer kami iaitu tokoh kami yang dapat memberi pelbagai maklumat untuk dijadikan sumber rujukan kepada pengguna dan penyelidik. Untuk memastikan bahawa industri sentiasa berkembang dan terus berkembang, usahawan harus sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan penjualan mereka seperti melalui penjualan dalam talian dan terus melalui butik, kedai dan program yang sesuai. Walau bagaimanapun, kerajaan atau agensi yang terlibat secara langsung dengan industri juga perlu meningkatkan usaha untuk mempromosikan songket ke seluruh dunia supaya pelancong asing dapat mengetahui lebih lanjut mengenai Songket Malaysia. Di samping itu, kerajaan perlu mempromosikan songket lebih banyak lagi melalui media massa dan media sosial, agar penggunaan songket ditonjolkan dan ini warisan tidak pernah hilang.

Tambahan lagi, penggunaan songket pada masa kini juga adalah lebih segenap pelusuk negeri, tidak terbatas terhadap golongan kerabat diraja. Gaya pemakaiannya juga adalah semakin menular, bersesuaian dengan pelbagai acara sebagaimana dengan bentuk dan coraknya yang semakin mengikut perkembangan, selaras dengan peralihan dan pergerakan waktu. Pemakaian songket kini turut berbeza sepadan dengan pergerakan waktu. Contohnya, songket ditampilkan sebagai sampin bagi dipakai oleh orang lelaki untuk merayakan sambutan Hari Lebaran serta untuk acara perkahwinan. Namun saat ini, penggunaan songket juga telah dijadikan sebagai hadiah, hiasan rumah dan sebagai hantaran bagi majlis pernikahan.

## **9.0 RALAT**

Sepanjang temubual terdapat beberapa gangguan bunyi antaranya ialah:

1. Kring-kring – bunyi notifikasi telefon tokoh
2. “Sress shhh” - bunyi pelanggan yang datang ke kedai tokoh.
3. Tokoh meminta untuk berhenti sekejap kerana ada pelanggan.
4. “Vroom vroom”- bunyi kenderaan lalu lalang.

## 10.0 GLOSARI

**Adat:** Peraturan yang sudah diamalkan turun temurun sejak dahulukala di dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Adat berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud kebiasaan.

**Celup:** Memasukkan ke dlm benda yg cair. memberi berwarna dgn memasukkannya ke dlm air berwarna: ~ *kain*

**Estetika:** Cabang falsafah yg mengkaji konsep yg berkaitan dgn keindahan, cita rasa

**Outsource:** Takrifan lain dari outsourcing adalah untuk membeli daripada membuatnya.

**Itinerary:** Jadual perjalanan, catatan perjalanan

**Income:** Hasil Pendapatan yang diperolehi.

**Pattern:** Corak atau bentuk analisis teknikal adalah agregat keadaan pasaran tertentu dan menentukan tindakan pedagang. Corak boleh dilihat dengan jelas dalam graf dan mempunyai nama tersendiri. Selepas permulaan corak dikenal pasti, pedagang menggunakan isyarat ini untuk membuka atau menutup dagangan, atau membetulkan pesanan

**Piece Rate:** Apa-apa jenis pekerjaan di mana seorang pekerja dibayar kadar sekeping tetap bagi setiap unit yang dihasilkan atau tindakan yang dilakukan tanpa mengira masa.

**Seasonal:** Takrif bermusim dalam kamus adalah, berkaitan dengan, atau berlaku pada musim tertentu atau musim tertentu tahun ini.

**Songket:** Kain tenun yang dihasilkan daripada jalinan benang longsin (yang menunggu) dengan benang pakan (yang mendatang). Proses pada asasnya mudah, ini dapat menghasilkan ciptaan seni tampak yang indah dan menjadi kebanggaan bangsa.

**Sole Proprieter:** Perniagaan milikan tunggal adalah bentuk atau entiti perniagaan yang paling asas. Perniagaan milikan tunggal adalah perniagaan yang dijalankan oleh individu dan dimiliki sepenuhnya oleh individu atau pemiliknya.

## 11.0 INDEKS

### A

Abstrak, i, 9  
Adat, 7, 31, 47, 92, 111  
Asas, 10, 41, 55, 70, 111

### B

Bidang, i, 11, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 27, 28, 43, 62, 63, 77, 83, 99, 105, 107, 120, 121, 122, 123, 125, 128, 130  
Budaya, i, 8, 114

### C

Corak, 6, 8, 9, 10, 31, 32, 36, 37, 38, 41, 44, 45, 46, 47, 83, 107, 109, 111, 123, 124, 125, 126, 128

### E

Eksklusif, 53, 65  
Eksport, 43, 66, 128  
Estetika, 47, 111  
Elemen, 8

### F

Fabrik, 6, 48, 49, 53, 126  
Flora, 6, 9, 36, 46, 126

### H

Harga, 5, 24, 30, 36, 43, 49, 50, 51, 56, 67, 68, 74, 77, 91, 92, 104, 107, 126

### I

Institut, iii, 4, 14, 18, 39, 40  
ITM, iii, 4, 14, 17, 18, 39, 40

### K

Kain, i, 5, 6, 8, 9, 10, 14, 20, 23, 2, 32, 35, 36, 40, 43, 44, 45, 46, 48, 53, 64, 65, 70, 72, 76, 84, 106, 111, 124, 126, 127  
Kelantan, i, 5, 9, 11, 12, 13, 16, 17, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 63, 70, 72, 74, 87, 103, 104, 106, 123, 124

KEMAS, iii, 62

Kementerian, iii, 26, 74, 101, 102, 104, 108, 130

Kesenian, iii, 6, 8

Kraftangan, 8, 20, 21, 26, 34, 39, 40, 43, 64, 73, 74, 75, 82, 101, 102

KPDNKK, iii, 104

Kos, 19, 24, 30, 36, 41, 42, 56, 88, 101, 122, 127

### M

Mahir, 59, 60, 61, 62, 127, 128

Malaysia, iii, 5, 6, 8, 17, 21, 26, 28, 29, 30, 34, 38, 40, 41, 42, 43, 44, 74, 75, 83, 86, 87, 103, 106, 109, 123, 124, 125

Menyungkit, 6.

Melayu, 6, 7, 8, 9, 32, 35, 38, 46, 124.

Mesin, 9, 44, 55, 56, 57, 85, 90, 91, 126, 127

Muzium, 20, 21

Modal, 57, 74, 80, 130

Motif, 6, 8, 9, 31, 32, 37, 45, 46, 47, 83, 104, 123, 124, 125, 126, 128

## **N**

Negara, 5, 6, 8, 9, 20, 21, 25, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 46, 71, 72, 73, 86, 106, 124, 125, 129, 130

## **P**

Penenun, 6, 8, 9, 40, 125, 126, 127, 128

Pengasas, 14

Penjagaan, 48, 69, 126, 129, 130

Perkahwinan, 5, 9, 37, 38, 47, 109, 124

Perniagaan, i, 4, 9, 62, 63, 65, 66, 80, 82, 98, 100, 111, 122, 128, 129

Pertandingan, 20, 21, 44, 122

PKM, iii, 74, 75

PNB, iii, 17

## **R**

Rasmi, 5, 9, 38

Rhombus, 46

## **S**

Sampin, 31, 33, 35, 37, 38, 46, 50, 51, 55, 58, 68, 70, 71, 75, 109, 127

Simbolik, 6

Sutera, 5, 6, 8, 10, 36, 48, 49, 50, 59, 74, 84, 93, 94

Sultan, 8, 9, 17, 27

SPM, iii, 40, 96

## **T**

Teknik, 5, 19, 24, 62, 103, 111

Tradisional, 5, 9, 56, 57

## **U**

UiTM, iii, 4, 16

Universiti, 4, 5, 14, 16, 18, 60, 89

Upah, 24, 42, 56, 65, 77, 83

## **W**

Warisan, 4, 5, 6, 8, 21, 34, 41, 106, 109, 121, 122, 124, 125

## 12.0 RUJUKAN

- Abdul Samad, M.A., Borhan, Z.A., Ahmad, M.N., Mohd Yatim, O., (2006).  
Estetika dan Keindahan Songket Melayu: Jurnal Pengajian Melayu (17).
- Adiguru Kraf, Tenunan Songket, 2010/0017310W, VIDEO. Sumber Arkib Negara  
Malaysia, Jabatan
- Arba'iah A A, Othman Y. (2009). Falsafah di Sebalik Motif Songket Melayu  
Terengganu. Seminar Antarabangsa Tenun Nusantara.Kesinambungan Tradisi  
dan Budaya. P
- Chadwick, Treasure, E., B,Gill, P., & Stewart, K.(2008). Methods of Data Collection  
in Qualitative Research: Interviews and Focus Groups.British Dental Journal,  
204(6), 291–295. <http://doi.org/10.1038/bdj.2008.192>
- Cik Ramlah Che Jaafar Noor Azlinda., Wan Siti Roudhah Mohamad Saad,  
Jan Radia Banu Jan Mohamad. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah  
Lisan Songket, Satu Warisan Malaysia (1999), Galeri Petronas, Kuala  
Lumpur
- Faizal Sidek. (2017). Motif Songket Melayu: Pengucapan Falsafah
- G. S. K., June. (2007). Transforming Traditional Malaysian Songket into Contemporary  
Songket for Broader Apparel Usage. Unpublished PhD Thesis. Universiti Sains  
Malaysia. Malaysia.

Hairun Nisa. (2017). Pengertian Tokoh dan Penokohan Menurut Para Ahli.

Haziyah Hussin. (2004). Peranan Songket Dalam Perkahwinan Melayu. Jurnal Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (17), pp. 33-50.

HarianMetro, (2019).Keistimewaan tenunan Melayu:  
<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/10/502796/keistimewaan-tenunan-melayu-metrotv>

Khairuddin. A. (1991) Songket berbenang emas Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kuala Lumpur.

Kraftangan (Seramik, Batik, Kain Songket) I) Buletin Kraft, Januari-Mac 2011.-Kuala Lumpur: Perbandanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2011. (Sumber Majalah) Ii) Kraf, Bil.2/90 Jilid.8. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia,1990. (Sumber Majalah) Iii) Kraft, Bil 3/90 Jilid 9.-Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1990. (Sumber Majalah), 2012/0000507Q, DOKUMEN. Sumber Arkib Negara Malaysia, Jabatan

Norwani Mohd.Nawawi (2002), Songket Malaysia Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.


Nursuriati J. (2008). Image Retrieval of Songket Motif Based on Fusion of Shape Geometric Descriptors.Tesis Ijazah Dr. Fal. Fakulti Teknologi Sains dan Maklumat. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor Darul Ehsan.

Rohaneeda. (2008). Mengenal Kraf Tradisional

Siti Fadzilah Mat Noor, Tengku Siti Meriam Tengku Wook, Nadiah bt Yusof. (2013).  
Songket Motives Retrieval Through Sketching Technique. Procedia  
Technology, 11: 2632

## **13.0 LAMPIRAN**

### **13.1 Biografi Tokoh**



**Gambar Tokoh: Encik Mohamed Bin Haji Hussein, Pengusaha Songket Di  
Kampung Penambang Kota Bharu, Kelantan.**

## 13.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MOYAMED BIN HASICHAH HUSSEIN K/P: ..... pada  
..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh )  
Tarikh: 16/4/20

(Nama pensyarah )  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

Gambar 1: Perjanjian Mengenai Projek Sejarah Lisan

www.utm.edu.my


**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

**Fakulti  
Pengurusan  
Maklumat**

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)  
 Tarikh : 10 November 2020

Encik Mohammed bin Haji Hussein,  
 350, Kampung Penambang,  
 15350, Kota Bharu,  
 Kelantan.

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan Pondokumentasian Lisan, Warisan Penenuan Songket.

3. Tugas ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" (IMR 604).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

| NAMA                            | NO. PELAJAR UiTM | NO. TEL.     |
|---------------------------------|------------------|--------------|
| Nasha Sharieyna binti           | 2018641204       | 011-16152769 |
| Dzulkarnain                     |                  |              |
| Nur Irash Najieyah binti Asmadi | 2018635508       | 011-16826327 |

5. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:

- Untuk mengkaji latar belakang tokoh dalam bidang Tenunan Songket.
- Untuk menganalisis kaedah dan cara yang digunakan dalam menghasilkan kain Songket.
- Untuk mengentahui pemikiran tokoh berdasarkan bidang songket yang diceburi.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JAFALIZAN BIN MD JALI

**Gambar 2: Surat Permohonan Kebenaran Untuk Melaksanakan Penyelidikan Akademik**

### **13.3 Senarai Soalan**

#### **ORIENTATION**

**1. Bolehkah tuan ceritakan mengenai latar belakang tuan?**

1. Apakah nama penuh tuan?
2. Berapakah umur tuan?
3. Bilakah tuan dilahirkan?
4. Di manakah tuan dilahirkan?
5. Apakah nama panggilan tuan?
6. Apakah jawatan tuan di Che Minah Songket ini?
7. Tuan generasi ke berapa dalam Che Minah Songket?

**2. Bolehkan tuan menceritakan latar belakang keluarga tuan?**

8. Apakah nama ayah tuan?
9. Apakah nama ibu tuan?
10. Apakah pekerjaan ayah tuan?
11. Apakah pekerjaan ibu tuan?
12. Adakah ibu bapa tuan juga terlibat dalam penghasilan songket?
13. Adakah bermula dari situ wujudnya minat tuan dalam bidang songket?

**3. Bolehkah tuan terangkan mengenai latar belakang adik beradik tuan?**

14. Berapakah bilangan adik beradik tuan?
15. Adakah ada adik-beradik tuan yang meminati bidang songket?

**4. Boleh tuan ceritakan mengenai latar belakang keluarga tuan sekarang?**

16. Siapakah nama isteri tuan?

17. Berapa orang kah bilangan anak tuan?
18. Adakah isteri dan anak tuan boleh menenun songket?
19. Adakah terdapat di antara anak tuan yang terlibat dalam bidang atau seni songket?
20. Bagaimanakah penerimaan tuan apabila ada di antara anak tuan terlibat dalam seni warisan songket?

**5. Bolehkah tuan menceritakan latar belakang pendidikan tuan?**

21. Di manakah encik mendapat pendidikan awal?
22. Di manakah tuan mendapatkan pendidikan peringkat menengah?
23. Di manakah tuan mendapat pendidikan tinggi?
24. Bagaimanakah tuan boleh terlibat dalam bidang songket?
25. Siapakah yang mendorong tuan berminat dalam bidang tenunan songket?

**COMMON**

**4. Pengalaman kerjaya (pengalaman tuan sepanjang dalam bidang tenunan songket)**

26. Sebelum penglibatan dalam bidang songket, apakah pekerjaan tuan?
27. Apakah cabaran yang dihadapi oleh tuan dalam perusahaan songket?
28. Dengan siapakah tuan berguru untuk menghasilkan songket?
29. Apakah hasil pertama tuan dalam penghasilan songket?
30. Tahun bilakah tuan mula berkecimpung dalam bidang tenunan songket?
31. Berapakah umur tuan pada ketika itu?
32. Adakah tuan pernah terlibat dengan apa-apa pertandingan atau anjuran mengenai songket?

33. Bagaimana tuan boleh terlibat dengan pertandingan atau anjuran songket?
34. Apakah pertandingan atau anjuran yang pernah tuan sertai?
35. Apakah perasaan tuan pada ketika itu?
36. Bilakah tuan mula meminati warisan songket ini?
37. Mengapakah tuan memilih untuk berada dalam bidang songket berbanding bidang lain?
38. Siapakah idola tuan dalam tenunan songket?
39. Siapakah yang memberi dorongan dalam keluarga tuan?
40. Bagaimana sokongan masyarakat terhadap kerjaya tuan pada ketika awal-awal penglibatan tuan dalam bidang tenunan songket?
41. Apakah kesan songket kepada tuan/kerjaya/perniagaan?
42. Apakah kepakaran yang ada pada tuan dalam penghasilan songket?
43. Berapakah kos yang tuan habiskan untuk membuat songket?

**5. Sepanjang kerjaya tuan, apakah anjuran terbesar yang pernah tuan terlibat?**

44. Apakah perasaan tuan pada ketika itu?
45. Adakah tuan menyertai anjuran tersebut atas dorongan seseorang? Jika YA, siapakah orang tersebut?
46. Siapakah yang terlibat dalam anjuran tersebut?
47. Berapakah kalikah tuan terlibat dengan anjuran yang diadakan?
48. Apakah pengalaman yang tuan tidak boleh lupa sepanjang berada dalam bidang tenunan songket?
49. Adakah sukar untuk tuan memulakan penglibatan dalam bidang tenunan songket ini?

## **SPECIFIC**

### **6. Sejarah perkembangan songket di Malaysia.**

50. Bolehkah tuan terangkan tentang sejarah wujudnya songket di Malaysia?
51. Bilakah songket mula diperkenalkan di Malaysia?
52. Bilakah songket mula bertapak di Kelantan?
53. Daerah manakah yang terkenal dengan songket?
54. Terdapat berapa jenis songket yang ada di Malaysia?
55. Adakah terdapat songket khusus yang tidak boleh dipakai oleh golongan biasa?
56. Bagaimana pemakaian songket dikatakan boleh melambangkan kedudukan seseorang?
57. Pada zaman dahulu, ada yang berpendapat bahawa semakin rumit motif dan corak semakin tinggi kedudukan mereka. Adakah perkara tersebut masih relevan dengan masa kini?
58. Biasanya songket popular dijadikan baju apa?
59. Siapakah yang mengajar tuan untuk menghasilkan songket di Kelantan?
60. Apakah perbezaan songket Terengganu dengan songket Kelantan?
61. Bagaimana untuk membezakan di antara songket Terengganu dengan songket Kelantan?
62. Apa yang menjadikan songket Kelantan popular?
63. Negeri manakah yang selalu menggunakan songket?
64. Bagaimanakah songket boleh menjadi sebahagian daripada warisan yang ada di Malaysia?
65. Bolehkah tuan terangkan cara-cara dalam penghasilan songket?

66. Apakah peralatan yang digunakan untuk membuat songket?
67. Terdapat berapa jenis songket yang tuan ciptakan?
68. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk menyiapkan sehelai kain songket?
69. Kaum manakah yang terlibat dalam pemakaian songket?
70. Selain hari perkahwinan dan hari raya, adakah songket juga dipakai pada hari lain?
71. Apakah corak dan motif yang biasa digunakan untuk dijadikan sampung di majlis perkahwinan?
72. Permintaan songket meningkat pada hari perkahwinan atau sambutan hari raya?
73. Adakah terdapat corak tertentu yang sesuai dipakai dengan baju melayu?
74. Negara mana yang terkenal dengan songket?
75. Di Malaysia, kerabat manakah yang paling ramai menggunakan songket?
76. Adakah terdapat pesatuan bagi songket di Malaysia?
77. Apakah cabaran menjadi pengusaha songket?
78. Pada pandangan tuan, bagaimanakah kerajaan dapat mencungkil bakat orang muda?
79. Apakah keperluan yang diperlukan untuk membuat songket?
80. Adakah terdapat latihan khusus untuk menjadi seorang penenun songket?
81. Apakah kriteria yang diperlukan untuk menjadi penenun songket?
82. Bagaimanakah tuan melihat potensi songket di Malaysia?
83. Apakah kejayaan manis dalam penglibatan songket yang encik rasa mampu menjadi motivasi kepada orang ramai untuk terus mengekalkan warisan songket?

84. Pada pendapat tuan, bolehkah Malaysia menjadi pengeluar utama dalam pembekalan songket ke negara lain?
85. Bagaimana tuan melihat potensi penglibatan songket yang sedia ada di Malaysia?
86. Pada pendapat tuan, apakah kriteria yang diperlukan untuk menjadi seorang penenun songket?
87. Pada pandangan tuan, apakah kelebihan bidang songket ini kepada masyarakat?
88. Bagaimanakah cara yang boleh dilakukan agar generasi muda untuk lebih meminati bidang tenunan songket?

## **7. Proses menenun Songket**

89. Dalam proses menenun songket ini, adakah encik melakukan sendiri?
90. Boleh tuan jelaskan proses pembuatan songket dengan lebih detail?
91. Proses yang manakah sulit dan mencabar untuk dilakukan dalam pembuatan songket?
92. Berapakah motif dan corak yang digunakan di Malaysia?
93. Berapakah bilangan corak yang ada pada sehelai songket?
94. Adakah motif dan corak di reka sendiri oleh tuan untuk digunakan pada songket?
95. Motif ataupun corak apakah yang sentiasa menjadi pilihan pelanggan?
96. Biasanya motif dan corak pada songket ini mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Boleh terangkan kenapa motif dan corak floral digunakan?
97. Motif dan corak manakah yang rumit untuk di tenun oleh penenun?
98. Berapa jenis fabrik yang digunakan pada kain songket ini?

99. Adakah fabrik berkualiti yang digunakan pada songket ini memerlukan penjagaan yang rapi?
100. Di manakah tuan mendapatkan bekalan fabrik?
101. Berapakah tempoh masa untuk tuan mendapatkan fabric tersebut?
102. Apakah harga sesebuah songket itu bergantung pada kualiti kain tersebut?
103. Berapakah harga sepasang songket tersebut?
104. Adakah tuan pernah menghasilkan songket yang paling mahal?
105. Berapakah harga songket yang mahal tersebut?
106. Siapakah yang memakai songket tempahan tersebut?
107. Apakah perbezaan antara jenis fabrik ataupun kain songket tersebut?
108. Antara jenis kain tersebut yang manakah yang menjadi pilihan pelanggan?
109. Selain jentera/ mesin asas digunakan apakah jentera/mesin yang lain juga digunakan?
110. Dari manakah tuan memperolehi jentera/mesin tersebut?
111. Dari aspek kos, adakah jentera dan mesin memerlukan kos yang tinggi, sederhana ataupun rendah?
112. Selalunya berapakah kos yang dikeluarkan untuk menservis ataupun membeli jentera/mesin penenun.
113. Berapakah bilangan jentera/mesin yang digunakan sekarang?
114. Jelaskan halangan dalam pengguna jentera/mesin penenun songket?
115. Selalunya berapa banyakkah benang yang digunakan untuk menyiapkan satu pasang songket?

116. Apakah penggunaan warna pada kain songket terhad dan sulit untuk di hasilkan?
117. Benang apakah yang digunakan pada songket?
118. Berapakah orang pekerja dalam kerja penenunan ini?
119. Berapakah umur pekerja yang terlibat dalam kerja penenunan ini?
120. Adakah kesemua diantara mereka mahir dalam penenunan songket?
121. Bagaimanakah tuan lakukan untuk memastikan pekerja mahir dalam penenunan songket ini?
122. Adakah susah untuk mendapatkan pekerja yang mahir dalam menenun songket pada masa kini?
123. Bagaimanakah tuan lakukan untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja yang menenun songket ini?
124. Apakah cabaran dalam meningkat kemahiran pekerja tenun songket ini?
125. Bagaimanakah tuan menghadapi masalah kekurangan pekerja mahir dalam menenun songket?

## **8. Organisasi**

126. Apakah nama perniagaan atau perusahaan tuan?
127. Di manakah lokasinya?
128. Adakah perniagaan ini diteruskan bersama rakan niaga lain?
129. Apakah proses penenun ini, dilakukan di sini?
130. Berapa orang pekerja yang menolong dalam pengurusan bisnes?
131. Adakah pekerja yang menolong tuan dalam pengurusan bisnes ini mempunyai kelulusan dalam bidang bisness
132. Apakah kemahiran yang ada pada dalam perkerja tuan?

133. Adakah pekerja tersebut akan melakukan kerja-kerja mempromosi songket?
134. Adakah gaji pekerja dibayar mengikut corak dan motif yang dihasilkan?
135. Adakah tuan menjual songket kepada pemborong songket lain?
136. Jika ada, berapakah kuantiti pemborong songket itu ambil?
137. Adakah perniagaan ini mempunyai cawangan yang lain?
138. Adakah tuan bakal membuka dan melebarkan lagi perniagaan keluar negeri dengan membuka cawangan lain?
139. Adakah saat ini menghasilkan songket untuk di eksport keluar negara?
140. Adakah tuan ada menjalankan perniagaan songket ini di atas talian?
141. JIKA ADA- apakah platform yang selalu tuan gunakan?
142. Adakah perniagaan atas talian menguntungkan?
143. Di antara kedai dan atas talian, yang manakah lebih banyak menerima tempahan?
144. Apakah cabaran dalam menguruskan perniagaan songket ini?

## **9. Pelanggan**

145. Secara umum, dari kalangan siapakah pelanggan itu?
146. Adakah pelanggan selalu meneliti hasil kerja songket yang dikeluarkan?
147. Apakah selalu ada pelanggan yang membuat tempahan khas?
148. Adakah pelanggan memberi tempoh masa untuk menyiapkan songket ataupun mereka yang mengikut tempoh masa tuan?
149. Apakah maklumbalas dari pelanggan tuan?
150. Adakah pelanggan bertanya bagaimanakah cara atau aturan penjagaan songket ini?

151. Melalui pendekatan apakah untuk pelanggan menghubungi tuan?
152. Selalunya pelanggan menggunakan songket ini untuk dijadikan apa?
153. Adakah pelanggan dari luar negara juga ada berkunjung untuk membeli songket?
154. Dari negara manakah pelanggan yang selalunya berkunjung?
155. Adakah mereka teruja dengan hasil seni tenun songket ini?
156. Pada pendapat tuan, apakah kelebihan songket dalam menarik pelanggan/pelancong dari luar negara yang berkunjung itu?
157. Apakah cabaran yang dihadapi ketika melayan pelanggan-pelanggan?
158. Bagaimanakah encik menyelesaikan cabaran tersebut?

#### **10. INISIATIF KERAJAAN DALAM MEMPERKENALKAN SONGKET**

159. Bolehkah perusahaan songket membantu ekonomi negara?
160. Kementerian manakah yang dapat membantu dalam membangunkan perusahaan songket?
161. Agensi manakah yang membantu dalam menyumbangkan modal kepada pengusaha songket?
162. Apakah lagi songket boleh digunakan selain pakaian?
163. Boleh tuan ceritakan tentang bagaimana penjagaan songket?
164. Adakah pernah songket yang dihasilkan mengalami kerosakan?
165. Sekiranya berlakunya kerosakkan di manakah songket dihantar untuk dibaiki?
166. Berapakah anggaran kerugian yang dialami terhadap sehelai songket?
167. Apakah ciri-ciri songket yang paling mahal?

168. Untuk menghasilkan songket, berapa warna yang digunakan?
169. Apakah cadangan encik agar bidang songket ini untuk lebih dikenali oleh generasi muda?
170. Apakah harapan tuan berkaitan dengan songket terhadap anak muda pada masa akan datang?

### 13.4 Diari Penyelidikan

| TARIKH     | MASA             | LOKASI                    | KATEGORI                    | PERKARA DAN TINDAKAN                                                                             |
|------------|------------------|---------------------------|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 12/10/2020 | 8:15 am-10:15 am | Di kediaman masing-masing | Perbincangan                | Pengenalan tentang subjek 'Oral History'                                                         |
